

LAPORAN TAHUNAN 2018



JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

LAPORAN TAHUNAN 2018



JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

ISI KANDUNGAN



PERUTUSAN KPPK

v



PROFIL KORPORAT

1

- | | |
|---|----|
| 1.1 Pengenalan | 2 |
| 1.2 Visi/Misi/Objektif | 2 |
| 1.3 Fungsi Jabatan | 3 |
| 1.4 Piagam Pelanggan | 3 |
| 1.5 Dasar Kualiti Jabatan | 3 |
| 1.6 Pengurusan Tertinggi Jabatan | 4 |
| 1.7 Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) | 6 |
| 1.8 Persijilan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 | 11 |

BAB
1



SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA

13

- | | |
|-------------------------------------|----|
| 2.1 Pentaulahan | 14 |
| 2.2 Persijilan | 21 |
| 2.3 Persijilan Pelajar Antarabangsa | 23 |

BAB
2



PEMERKASAAN SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA

25

- | | |
|---|----|
| 3.1 Pembangunan Dokumen Kerangka Pekerjaan | 26 |
| 3.2 Pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) | 27 |
| 3.3 Artikulasi Program Kemahiran | 29 |
| 3.4 Program e-Training | 31 |
| 3.5 Kajian Pembangunan Latihan Kemahiran | 32 |
| 3.6 Penyertaan di Peringkat Antarabangsa | 33 |
| 3.7 Pematuhan Terhadap Dasar dan Peruntukan Di Bawah Akta 652 | 36 |
| 3.8 Projek Pembangunan JPK di bawah RMKe-11 | 40 |
| 3.9 Program Pemerksaan Pentaulahan & Persijilan Kemahiran Malaysia | 41 |
| 3.10 <i>Industry Lead Body (ILB)</i> | 54 |
| 3.11 Jalinan Kerjasama Dengan Agensi Dan Industri | 58 |
| 3.12 <i>Malaysia Board Of Technologists (MBOT)</i> | 60 |
| 3.13 Kajian Keberkesanan Projek Pembangunan Melalui Kajian Penilaian <i>Outcome</i> | 60 |
| 3.14 Kumpulan Perancang Strategik JPK | 62 |

BAB
3

PEMERKASAAN PERSONEL KEMAHIRAN**BAB
4**

- | | |
|---|----|
| 4.1 Latihan Pra-Perkhidmatan | 64 |
| 4.2 Latihan Dalam Perkhidmatan | 65 |
| 4.3 Sistem eProfiling Pengajar TVET | 71 |
| 4.4 Pengurusan Personel Lantikan | 73 |
| 4.5 Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir | 77 |
| 4.6 Program Antarabangsa Personel Kemahiran | 78 |

63**BAB
5****PERTANDINGAN KEMAHIRAN MALAYSIA**

- | | |
|---|-----|
| 5.1 Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia (MPKM) | 82 |
| 5.2 Pertandingan WorldSkills Malaysia Belia (WSMB) | 82 |
| 5.3 Pertandingan WorldSkills Malaysia Pengajar (WSMP) | 86 |
| 5.4 Pertandingan ASEAN Skills Competition (ASC 2018) | 90 |
| 5.5 Pertandingan Abilympics Kebangsaan | 98 |
| 5.6 Pertandingan WorldSkills Asia (WSA) 2018 | 99 |
| 5.7 Pertandingan Junior Skills Malaysia 2018 | 101 |
| 5.8 Pertandingan Panasonic Kebangsaan 2018 | 102 |
| 5.9 Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2018 (MATEPM) | 103 |

81**BAB
6****PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN KEWANGAN**

- | | |
|---|-----|
| 6.1 Perjawatan | 106 |
| 6.2 Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) | 106 |
| 6.3 Kenaikan Pangkat | 107 |
| 6.4 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) | 107 |
| 6.5 Jasamu Dikenang | 109 |
| 6.6 Dalam Kenangan | 110 |
| 6.7 Inovasi & Kreativiti | 110 |
| 6.8 Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) | 111 |
| 6.9 Business Plan Jabatan Pembangunan Kemahiran | 111 |
| 6.10 Pelaksanaan Kenaikan Pangkat Berdasarkan Kriteria Kecemerlangan (KC) | 112 |

105



PROGRAM OUTREACH

115

7.1	Program Kesedaran Bagi Memartabatkan Latihan Kemahiran	116
7.2	Seminar Technology Update: TVET Toward Industry Revolution 4.0	118
7.3	Seminar Technology Update: Automation In Smart Manufacturing, Enhanced By Data Security	119
7.4	Seminar TVET SkillsMalaysia	120
7.5	Seminar Technology Update "Zukünftige Automobile - Future Automotive"	121
7.6	Seminar Aerospace Skills Development Initiatives	122
7.7	Seminar Kajian Pelaksanaan Terbaik Pensijilan Berkonsepkan Pembelajaran Sepanjang Hayat melalui kaedah PPT	123
7.8	Majlis Pelancaran Program SLDN	124
7.9	Majlis Konvokesyen CIAST	125
7.10	Majlis Konvokesyen SLDN	128

**BAB
7**

**BAB
8**

**BAB
9**

SOSIAL & REKREASI

131

8.1	Aktiviti Pertubuhan Kebajikan Dan Sosial JPK	132
8.2	Aktiviti-Aktiviti Sosial JPK	134
8.3	Aktiviti Sosial Rekreasi Pejabat Wilayah	135
8.4	PUSPANITA	138

PENYIARAN, PENERBITAN DAN ARTIKEL

139

9.1	Penyiaran Berita/Iklan di Media Cetak	140
9.2	Penyiaran Berita di Media Elektronik	146
9.3	Penerbitan melalui Televisyen dan Radio	151
9.4	Pengiklanan Luar	152
9.5	Promosi di Media Sosial	152
9.6	Pembangunan Video Korporat dan Video Program JPK	154
9.7	Buletin	155



SIDANG REDAKSI



HUBUNGI KAMI

PERUTUSAN KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN



PERUTUSAN

“

Keprihatinan Kerajaan dalam mengarusperdanakan *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) dan penegasan semula dalam Ucapan Bajet 2019, menunjukkan bahawa Kerajaan beriltizam mempertingkatkan keupayaan dan keberkesanan TVET dengan kolaborasi strategik antara semua pihak berkepentingan terutamanya bersama tujuh Kementerian utama yang terlibat secara langsung dengan TVET.

”



Ts Nidzam Bin Kamarulzaman JSM

**KETUA PENGARAH
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Kemahiran Malaysia.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga Jabatan Pembangunan Kemahiran (JKP) yang telah berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan JPK 2018. Selain daripada menunjukkan keberhasilan rancangan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018, buku laporan ini juga merupakan penunjuk pencapaian dalam menilai prestasi JPK sebagai badan penyelaras latihan kemahiran di Malaysia.


Keprihatinan Kerajaan dalam mengarusperdanakan *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) dan penegasan semula dalam Ucapan Bajet 2019, menunjukkan bahawa Kerajaan berlitzam mempertingkatkan keupayaan dan keberkesanan TVET dengan kolaborasi strategik antara semua pihak berkepentingan terutamanya bersama tujuh Kementerian utama yang terlibat secara langsung dengan TVET. Ini merupakan satu peristiwa penting yang perlu diberi perhatian oleh Jabatan agar TVET dapat berdiri dengan lebih kukuh dalam melahirkan tenaga mahir di negara ini.

Selain itu juga, pelbagai program yang dirancang pada tahun 2018 telah dapat dilaksanakan dengan jayanya hasil kerjasama semua Bahagian di JPK dan Pejabat Wilayah. Kejayaan membawa pulang 4 pingat emas, 1 pingat perak, 5 pingat gangsa dan 21 pingat kecemerlangan di *ASEAN Skills Competition* Bangkok Thailand 2018 dan 3 pingat emas, 3 pingat perak dan 5 pingat kecemerlangan di *WorldSkills Asia Competition* Abu Dhabi 2018 telah menunjukkan tahap kemahiran di negara ini setanding dengan negara-negara maju.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga JPK yang sentiasa memberi sokongan dan kerjasama untuk memastikan JPK terus mendahului dari segala aspek kemahiran dan berada di persada kecemerlangan. Saya berharap kita semua terus bersatu hati untuk bergerak seiringan dalam mengharungi cabaran bagi memastikan JPK sentiasa gemilang dan terbilang.

Sekian

Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia






BAB 1: **PROFIL KORPORAT**

1.1 PENGENALAN

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) berfungsi sebagai badan penyelaras perancangan dan pembangunan latihan vokasional kebangsaan dengan fokus utamanya adalah kepada aktiviti latihan dan persijilan kemahiran. Tujuan utama penubuhan JPK adalah untuk memastikan keberkesanan pembangunan tenaga kerja mahir yang bersesuaian dengan objektif dan strategi pembangunan kemahiran untuk keperluan industri negara.

1.2 VISI, MISI & OBJEKTIF

Peneraju dalam pembangunan sumber manusia mahir bertaraf dunia.



Membangunkan sumber manusia yang berpengetahuan (K-Pekerja) dan berdaya saing.



1. Menyelaras dan mengawal pelaksanaan latihan kemahiran bagi melahirkan K-Pekerja untuk keperluan pekerjaan dan pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa; dan
2. Menyelidik dan membangun standard kekompetenhan pekerjaan dan kepakaran bagi meningkatkan kualiti sumber manusia mahir berterusan ke arah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

1.3 FUNGSI JABATAN

- Menilai keperluan latihan
- Melaksanakan program persijilan latihan kebangsaan
- Mempromosi sistem latihan kemahiran
- Membantu dan meningkatkan keupayaan kemahiran individu
- Membimbing pembelajaran/penyelidikan berkenaan latihan kemahiran
- Membangunkan, meluluskan dan menyemak Standard Kemahiran Kebangsaan

1.4 PIAGAM PELANGGAN

- Melahirkan pekerja mahir bagi menampung keperluan industri negara melalui petaulahan program latihan kemahiran di pusat bertauliahan dan mencapai sekurang-kurangnya 90% siap proses petaulahan dalam tempoh tiga bulan bagi setiap permohonan.
- Memproses semua permohonan Perakuan dan Pengiktirafan Tenaga Pengajar dan Tenaga Pakar Industri Negara dalam tempoh 50 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima.
- Memastikan aduan awam yang diterima diberi maklum balas dalam tempoh tiga hari.

1.5 DASAR KUALITI JABATAN

- JPK beriltizam untuk melahirkan pekerja mahir yang berkualiti melalui SPKM dengan cekap, telus, berkesan dan berkualiti bagi memenuhi kehendak pihak berkepentingan dan pelanggan serta selaras dengan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang diwujudkan.
- JPK juga komited untuk membuat penambahbaikan yang berterusan ke atas SPK dan menilai semua objektif kualiti yang ditetapkan bagi memastikan ianya sentiasa relevan dan sesuai selaras dengan perubahan teknologi dan kehendak pelanggan dari semasa ke semasa.

PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN



KETUA PENGARAH
PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
Ts NIDZAM BIN KAMARULZAMAN JSM



TIMBALAN KETUA PENGARAH
(OPERASI)
DR. MOHD RASHID BIN BUYONG HAMZAH



PENGARAH BHG SLDN
DR. ARUNA BINTI ISMAIL @
ABD. WAHAB



PENGARAH BHG MOSQ
EN. MOHD SUKRI BIN ISMAIL



TIMBALAN KETUA PENGARAH
(PEMBANGUNAN)
TN. HJ. SUIMI BIN ABD MAJID



PENGARAH BHG KS
TN. HJ. SHAMSUDIN BIN JAMIL



PENGARAH CIAST
DR. MOHAMAD BIN SULAIMAN



PENGARAH BHG PMO
PN. HJH. ZULEAH
BINTI DARSONG



PENGARAH BHG P&KS
TN. HJ. KAMALUDIN BIN TOMIRAN



PENGARAH W. UTARA
EN. MOHD AZMIR BIN AHMAD



PENGARAH BHG NOSS
TN. HJ. MOHD YAZID BIN AWALLUDIN



PENGARAH W. TENGAH
DR. HJH. RUMINAH
BINTI MUHAMMAD ZAIN



PENGARAH W. TIMUR
PN. W. FADZILAH BINTI W. DAGANG



PENGARAH BHG PPP
PN. MOLINDA BINTI ABD RAHMAN



PENGARAH W. SELATAN
EN. ABD HALIM BIN HASAN



PENGARAH W. SABAH
EN. AZMI BIN PELAH



PENGARAH BHG KPSM
EN. P. JEEVANANTH A/L PALIAH



PENGARAH W. SARAWAK
TN. HJ. SUDIRMAN
BIN SURATIN

1.7 MAJLIS PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN

Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) ditubuhkan di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) dengan fungsinya:-

1

MELULUSKAN STANDARD

2

MENASIHATI MENTERI TENTANG PERKARA-PERKARA YANG BERHUBUNGAN DENGAN AKTA INI

3

MENASIHATI MENTERI TENTANG APA-APA PERKARA YANG DIRUJUKKAN KEPADANYA OLEH MENTERI

4

MELAKSANAKAN APA-APA FUNGSI LAIN SEBAGAIMANA YANG BOLEH DITETAPKAN DALAM AKTA INI

Anggota Majlis yang telah dilantik bagi tempoh dari 16 Ogos 2016 sehingga 15 Ogos 2019 adalah seperti di Jadual 1-1.

Jadual 1-1: Senarai Ahli Anggota MPKK

Bil.	Anggota Majlis	Agensi
1	YB. Dato' Mahfuz bin Omar	Timbalan Menteri, Kementerian Sumber Manusia (Pengerusi)
2	En. Nidzam bin Kamarulzaman	Ketua Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)
3	YBrs. Dr. Maziah binti Che Yusoff	Unit Perancang Ekonomi (UPE)
4	YBhg. Datin Dr. Rosslina binti Ahmad Mokhtar	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
5	En. Zainuren bin Hj Mohd Nor	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Bil.	Anggota Majlis	Agensi
6	YBrs. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub	Jabatan Pendidikan Politeknik,
7	YBrs. Dr. Hajah Wasitah binti Haji Mohd Yusof	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
8	En. Mahzan bin Teh	Majlis Amanah Rakyat (MARA)
9	Tn. Hj. Mohd Sufian bin Sulaiman	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA)
10	En. Megat Kamil Azmi bin Megat Rus Kamarani	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
11	YBhg. Tan Sri Dato' Prof. Dr. James Alfred	The Chartered Institute of Marketing Malaysia (CIM)
12	YBhg. Dato' Dr. Ir. Andy Seo Kian Haw	Persatuan Teknologi Malaysia (TAM)
13	YBhg. Datuk Hj. Shamsuddin bin Bardan	Persatuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF)
14	En. Jey Kumar a/l P Raman	Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)
15	En. Davies Danavaindram a/l Arputhasamy	Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)
16	En. Johann Daniel Maximilian Bernbeck	Malaysian German Chamber of Commerce & Industry (MGCC)
17	En. Sailanatan a/l Podian	Federation of JPK Accredited Centers Malaysia (FeMAC)
18	Pn. Sarojini Ruth Rajahser	National Association of Women Entrepreneurs of Malaysia (NAWEM)
19	YBhg. Datuk Dr. Mohd Yaakub Hj. Johari	Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA)
20	YBrs. Dr. Ngui Kwang Sing	Sarawak Chamber of Commerce & Industry (SCCI)

Sebanyak tiga mesyuarat telah diadakan pada tahun 2018 dan sepanjang mesyuarat tersebut sebanyak 88 NOSS telah diluluskan. Selain daripada itu juga, sebanyak 18 tajuk pembentangan telah dibentangkan di dalam mesyuarat MPKK. Senarai tajuk pembentangan adalah seperti berikut;

MESYUARAT MPKK BIL 1/2018 – 6 FEBRUARI 2018

- Penggunaan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) di dalam pembangunan NOSS oleh JPK
- Laporan Penarafan Bintang Program Bertauliah 2017 oleh JPK
- Cadangan Penjenamaan TVET Malaysia oleh Jabatan Tenaga Manusia (JTM), KSM

MESYUARAT MPKK BIL 2/2018 – 7 MEI 2018

- Kajian Pembangunan Pelan Induk Kebangsaan Latihan Teknikal dan Vokasional Ke Arah Negara Maju dan Hala Tuju Sehingga Tahun 2050 oleh PWC
- Cadangan Pelaksanaan Moratorium Terhadap Program Dan Pusat Bertauliahan (PB) Baharu JPK
- Perancangan Penarafan Bintang Program Bertauliahan 2019 oleh JPK
- MyApprenticeship oleh Bahagian Dasar, KSM
- Pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) Bagi 9 ‘Pillars’ Industri 4.0 oleh JPK.

MESYUARAT MPKK BIL 3/2018 – 8 OKTOBER 2018

- Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Kerja Di bawah Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK).
- Pencapaian Kontinjen Malaysia dalam ASEAN Skills Competition (ASC) 2018 di Bangkok, Thailand dan persiapan negara ke WorldSkills Asia di Abu Dhabi 2018.
- Halatuju Kerjasama Strategik Kerajaan dan Industri Melalui *Industry Lead Body (ILB)* dalam Meningkatkan Pengeluaran Tenaga Mahir Negara dan perancangan pada tahun 2019.

TIGA JAWATANKUASA SEDIA ADA DI BAWAH MPKK BAGI MEMPERKASAKAN PERANAN MPKK ADALAH SEPERTI BERIKUT:

1. **Jawatankuasa Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan Kemahiran (JPPKK)**
Bertanggungjawab terhadap permohonan bagi penilaian penyetaraan program persijilan kemahiran Malaysia dengan kelayakan kemahiran lain yang dikeluarkan oleh mana-mana badan atau organisasi di dalam dan di luar Malaysia (kecuali bagi program atau kelayakan yang dikeluarkan oleh badan profesional seperti CIDB, Suruhanjaya Tenaga dan lain-lain).
2. **Jawatankuasa Teknikal Standard (JTS)**
Bertanggungjawab mengesah dan memperaku Standard yang telah dibangunkan selaras dengan keperluan industri negara untuk kelulusan MPKK.

3. Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK)

Bertanggungjawab bagi memberi khidmat nasihat dan membantu JPK berkaitan pembangunan kurikulum dan mengenal pasti keperluan latihan sejajar dengan keperluan industri terkini.

**BAGI MEMPERTINGKATKAN PERANAN MPKK DENGAN
MENGOPTIMUMKAN PERANAN AHLI MAJLIS YANG MEMPUNYAI
PENGALAMAN YANG LUAS DALAM BIDANG MASING-MASING,
MESYUARAT MPKK BIL.3/2018 TELAH MELULUSKAN PENUBUHAN
6 JAWATANKUASA KERJA YANG BARU SEPERTI BERIKUT;**

1. Jawatankuasa Kerja Tadbir Urus TVET

Bertanggungjawab untuk meningkatkan tadbir urus TVET yang lebih efektif.

2. Jawatankuasa Kerja Persijilan & Pengiktirafan

Bertanggungjawab untuk mengharmoni hubungan di antara JPK dengan *regulatory body* yang lain untuk mengelakkan pertindihan kuasa serta mewujudkan laluan kerjaya yang lebih jelas.

3. Jawatankuasa Kerja Pembiayaan Latihan

Bertanggungjawab merangka kaedah pembiayaan latihan yang lebih produktif.

4. Jawatankuasa Kerja Peningkatan Kualiti Latihan TVET

Bertanggungjawab mencadangkan mekanisma pelaksanaan latihan yang lebih signifikan selaras dengan keperluan industri negara.

5. Jawatankuasa Kerja Kerjasama Strategik

Bertanggungjawab membentuk kerjasama strategik di antara kerajaan, industri serta pusat latihan bagi merancakkan pelaksanaan TVET.

6. Jawatankuasa Kerja Promosi

Bertanggungjawab penjenamaan semula serta meningkatkan penerimaan masyarakat berkaitan TVET.



Mesyuarat Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) Bil. 3/2018
8 Oktober 2018 bertempat di Kementerian Sumber Manusia, Putrajaya



Sidang Media Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan bersama YB Timbalan Menteri Sumber Manusia selepas Mesyuarat MPKK Bil.3/2018 bertempat di Kementerian Sumber Manusia, Putrajaya

1.8 PERSIJILAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) MS ISO 9001:2015

Pensijilan MS ISO di JPK adalah merupakan pensijilan MS ISO 9001:2008 yang diperolehi daripada badan pensijilan Llyod's yang telah tamat pada 23 April 2017. Skop pelaksanaan yang terlibat meliputi dua prosedur teras, enam prosedur sokongan dan empat prosedur penambahanbaikan. Bagi peralihan kepada MS ISO 9001:2015, skop SPK telah diperluaskan dengan melibatkan proses utama yang mengandungi empat Prosedur Kualiti iaitu:

- a) Pentaulahan Program Latihan Kemahiran Bagi Pusat Bertauliahan Baharu;
- b) Pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS);
- c) Pentaulahan Pusat Bertauliahan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Baharu; dan
- d) Lawatan Pemeriksaan di Bawah Akta 652

Bagi empat Prosedur Pengurusan yang terlibat adalah;



JPK telah berjaya mendapatkan pengiktirafan pensijilan MS ISO 9001:2015 untuk tempoh tiga tahun daripada badan pengiktirafan SIRIM QAS Sdn. Bhd. dengan tempoh sah laku 9 Mac 2018 hingga 8 Mac 2021. Sepanjang tempoh tersebut, SIRIM QAS Sdn. Bhd. akan melaksanakan audit pematuhan dan juga audit pensijilan semula.



Sijil ISO 9001: 2015




BAB 2:

SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA

SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA



Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) telah diperkenal pada tahun 1993. SPKM adalah satu sistem yang berteraskan kepada Latihan Berasaskan Keterampilan (*Competency Based Training - CBT*) dan menggunakan *National Occupational Skills Standards (NOSS)* sebagai standard. Ia adalah polisi, mekanisma dan tatacara yang terlibat dalam penganugerahan SKM/DKM/DLKM oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran. Terdapat lima tahap persijilan yang dilaksanakan iaitu:




2.1 PENTAULIAHAN

JPK komited dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan modal insan yang berdaya saing melalui pengarusperdanaan dan peluang akses kepada program TVET yang berkualiti dengan lebih meluas. Pelbagai strategi dirangka dan dilaksanakan bagi mentauliahkan lebih banyak penyedia latihan kemahiran awam dan swasta dalam pelbagai bidang seiring dengan permintaan industri.


Mulai tahun 2018, JPK telah memperluaskan pelaksanaan latihan kemahiran melalui penawaran program modular oleh Pusat Bertauliah (PB). Ianya bertujuan untuk membantu pihak majikan dan industri yang memerlukan pekerja berkemahiran dalam tempoh yang lebih singkat. Pelaksanaan latihan program modular yang lebih fleksibel dijalankan secara sepenuh masa atau separuh masa bagi mendapatkan kelayakan kemahiran dilihat mampu menyediakan pekerja berkemahiran yang lebih relevan mengikut keperluan industri.

2.1.1. Pentauliahan Program di Pusat Bertauliahan

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 4,886 program berdasarkan NOSS yang melibatkan 1,341 PB telah diberi pentauliahan. Bilangan keseluruhan program mengikut tahap di PB awam dan swasta adalah seperti di Carta 2-1 dan bilangan keseluruhan program mengikut negeri di PB awam dan swasta adalah seperti di Rajah 2-1. Jadual 2-1 pula menunjukkan bilangan program bertauliahan mengikut sektor MSIC 2008 di PB awam dan swasta.



Carta 2-1: Bilangan program mengikut tahap bagi program bertauliahan di Pusat Bertauliahan



- SKM 1
- SKM 2
- SKM 3
- DKM
- DLKM
- NCS
- MODULAR





Jadual 2-1: Bilangan Program Bertauliahan Mengikut Sektor MSIC 2008 Di Pusat Bertauliahan Awam Dan Swasta

Bil.	Seksyen MSIC	Bilangan Program		Jumlah Keseluruhan
		Awam	Swasta	
A	Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	82	7	89
B	Perlombongan dan Pengkuarian	4	1	5
C	Pembuatan	1,210	693	1,903
D	Bekalan Elektrik, Gas, Wap dan Pendingin Udara	2	0	2
E	Bekalan Air; Pembentungan, Pengurusan Sisa dan Aktiviti Pemulihan	0	9	9
F	Pembinaan	517	208	725
G	Perdagangan Borong dan Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	353	209	562
H	Pengangkutan dan Penyimpanan	10	31	41
I	Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan dan Minuman	31	116	147
J	Maklumat dan Komunikasi	170	265	435
K	Aktiviti Kewangan dan Insurans / Takaful	6	6	12
L	Aktiviti Hartanah	0	0	0
M	Aktiviti Profesional, Saintifik dan Teknikal	128	92	220
N	Aktiviti Pentadbiran dan Khidmat Sokongan	98	212	310
O	Pentadbiran Awam dan Pertahanan; Aktiviti Keselamatan Sosial Wajib	6	0	6
P	Pendidikan	28	56	84
Q	Aktiviti Kesihatan & Kemanusiaan dan Kerja Sosial	6	17	23
R	Kesenian, Hiburan dan Rekreasi	6	5	11
S	Aktiviti Perkhidmatan Lain	92	172	264
	Aktiviti Isi Rumah Sebagai Majikan; Aktiviti Mengeluarkan Barang dan Perkhidmatan Yang Tidak Dapat Dibezakan Oleh Isi Rumah Untuk Kegunaan Sendiri			
T		8	18	26
U	Aktiviti Badan dan Pertubuhan Luar Wilayah	0	0	0
NCS	Standard Keterampilan Kebangsaan (NCS)	4	8	12
Jumlah		2,761	2,125	4,886

2.1.2 Pentauliahan Program di Pusat Bertauliahan SLDN

Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) mula dilaksanakan pada tahun 2004 yang bertujuan untuk menyediakan tenaga mahir negara yang berpengetahuan (k-Pekerja) melalui kaedah latihan yang komprehensif dan terkini serta memenuhi kehendak industri semasa. Pendekatan latihan menggunakan kaedah SLDN dapat mengurangkan masalah pengeluaran tenaga mahir yang tidak memenuhi keperluan industri melalui pendedahan perantis kepada situasi kerja sebenar yang diperlukan oleh industri. Pendekatan latihan

SLDN ditentukan secara bersama oleh Syarikat SLDN dengan nisbah 70% hingga 80% latihan secara amali di tempat kerja dan Pusat Latihan SLDN dengan nisbah 20 hingga 30% latihan secara teori melalui pelaksanaan secara *day release* atau *block release*.

Petaulahan program di bawah SPKM melalui kaedah SLDN yang berdasarkan NOSS bertujuan menetapkan keperluan pelaksanaan SPKM melalui Pusat Bertauliah SLDN (PB SLDN). Panduan ini adalah merupakan syarat-syarat petaulahan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran di bawah Seksyen 28 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652].

Petaulahan program SLDN merupakan prosedur di mana JPK mentaulahkan program yang dilaksanakan oleh Penyedia Latihan Kemahiran (PLK).



PLK yang berjaya mendapat petaulahan akan dianugerahkan Sijil Akuan Petaulahan dan akan menjadikan ia sebagai PB SLDN.

Jadual 2-2: Jenis Program SLDN dan Bilangan Penyertaan

Kategori	Program	Sasaran	Persijilan	Penyertaan 2018	
				Perantis	Syarikat
Tanpa Insentif	Biasa	Terbuka kepada lepasan sekolah/ pekerja sedia ada yang berminat untuk menjalani latihan kemahiran	SKM 1 SKM 2 SKM 3 DKM DLKM	1,847	122
	In-House	Pekerja sedia ada dan bakal pekerja yang menjalani latihan sepenuhnya di tempat kerja	SKM 1 SKM 2 SKM 3 DKM DLKM	2,309	141
Insentif	Khas	Khusus kepada mereka yang belum memiliki kelayakan kemahiran dan menganggur	SKM 1 SKM 2	4,967	327
	Peningkatan Tahap	Khusus kepada pemegang SKM atau pekerja industri untuk meningkatkan tahap kemahiran	SKM 3 DKM DLKM	1,811	169
Jumlah				10,934	759
Jumlah Penyertaan Keseluruhan Dari Tahun 2006 Hingga 2018:				108,503	7,918

Jadual 2-3: Pentauliahan PB SLDN Mengikut Kategori

Kategori	Jenis	Jumlah 2018	Jumlah Keseluruhan
Pusat Latihan SLDN	Awam	5	340
	Swasta	15	2,312
Syarikat SLDN	GLC	3	170
	MNC	159	1,175
	SME/SMI	96	3,992
	Agenzia Kerajaan	14	189
	Pertubuhan / Persatuan	0	28


Jadual 2-4: Ringkasan Pelaksanaan SLDN

Kategori	Jumlah 2018	Jumlah Keseluruhan
Pentauliahan PB SLDN	292	8,206
Penyertaan Perantis SLDN	10,934	108,736
Persijilan Program SLDN	9,067	72,224

2.1.3 Pentauliahan Induk

JPK telah memperkenalkan pentauliahan induk dan sehingga kini terdapat tiga agensi yang telah melaksanakan Pentauliahan Induk iaitu GIATMARA, MARA, dan Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV). Rajah 2-2 menunjukkan statistik pentauliahan induk sehingga tahun 2018.

Rajah 2-2:
Bilangan Pentauliahan Induk sehingga tahun 2018



2.2 PERSIJILAN

Persijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dapat dianugerahkan kepada pelatih yang berjaya menamatkan latihan dalam pelbagai program NOSS yang telah ditauliahkan oleh JPK melalui kaedah berikut;

2.2.1. Pusat Bertauliah JPK (PB JPK)

PB JPK adalah merupakan penyedia latihan kemahiran yang telah ditauliahkan oleh JPK untuk mengendali latihan kemahiran dan menawarkan SKM bagi bidang dan tahap kemahiran tertentu berdasarkan NOSS. SKM akan dianugerahkan kepada pelatih yang berjaya menamatkan latihan.

2.2.2. Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)

PPT merupakan satu kaedah untuk memberi pengiktirafan kepada mana-mana individu yang boleh membuktikan keterampilan yang digariskan di dalam NOSS berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki. SKM akan dianugerahkan kepada individu yang berjaya membuktikan keterampilan mereka.

Jadual 2-5 menunjukkan jumlah sijil dan Penyata Pencapaian (PC) yang telah dikeluarkan melalui kedua-dua kaedah ini.

Jadual 2-5: Jumlah Pengeluaran Sijil 2018

Tahap	Kaedah Persijilan							
	Pusat Bertauliah				PPT		Jumlah	
	Biasa		NDT		SKM	PC	SKM	PC
	SKM	PC	SKM	PC	SKM	PC	SKM	PC
SKM 1	2,532	1	128	-	552	6	3,212	7
SKM 2	24,458	21	56	-	2,766	39	27,224	95
SKM 3	27,427	52	-	-	6,779	136	34,206	188
DKM	5,089	-	-	-	3,922	-	9,011	-
DLKM	71	-	-	-	1,105	-	1,176	-
NCS	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	59,557	74	184	0	15,124	181	74,829	290

2.2.3 Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)

SLDN merupakan satu kaedah latihan yang dilaksanakan di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Perantis yang berjaya menamatkan latihan akan dianugerahkan SKM atau PC.

Kriteria Perantis SLDN:

Kriteria minimum bagi perantis yang ingin menyertai program latihan di PB SLDN adalah seperti berikut:

- Warganegara Malaysia atau Pemastautin Tetap;
- Berumur 16 tahun ke atas;
- Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris; dan
- Memenuhi kriteria kelayakan perantis seperti yang ditetapkan NOSS.

Jenis Program SLDN:

Perantis boleh didaftarkan mengikut jenis program persijilan melalui kaedah SLDN seperti di Jadual 2-6.

Jadual 2-6: Jenis Program SLDN

1. PROGRAM PENUH	
Program latihan yang dijalankan bagi memenuhi semua <i>Duty</i> dan <i>Task</i> (bagi program NOSS lama), CU teras dan/atau CU elektif (bagi program NOSS baharu) yang membawa kepada penganugerahan SKM/ DKM/ DLKM. Terdapat 2 kategori dalam pelaksanaan program penuh iaitu pelaksanaan yang membawa kepada Persijilan Mengikut Tahap (<i>by level</i>) dan pelaksanaan Tahap Tunggal (<i>Single Tier</i>).	
<u>Program Persijilan Mengikut Tahap (<i>by level</i>)</u> Merupakan program latihan yang dilaksanakan tahap demi tahap. PB SLDN dikehendaki menyelesaikan latihan, penilaian dan persijilan tahap terendah sebelum melaksanakan program tahap seterusnya. Pelaksanaan latihan hendaklah secara sepenuh masa dan dihadkan kepada 1 program sahaja pada satu-satu masa.	<u>Program Persijilan Tahap Tunggal (<i>Single-Tier</i>)</u> Merupakan program latihan yang dilaksanakan dengan penggabungan beberapa tahap iaitu daripada tahap 1 hingga tahap 3. Perantis akan didaftarkan pada tahap tertinggi sahaja. Pelaksanaan latihan hendaklah secara sepenuh masa dan dihadkan kepada 1 program sahaja pada satu-satu masa.
2. PROGRAM MODULAR	
Program Modular hanya dilaksanakan bagi NOSS baharu sahaja. Program ini melibatkan satu atau gabungan beberapa <i>Competency Unit</i> (CU). Perantis yang berjaya menamatkan program ini boleh dianugerahkan dengan Penyata Pencapaian (PC). Program ini boleh terdiri daripada kaedah-kaedah seperti berikut; a. Hanya 1 CU; atau b. Gabungan beberapa CU di dalam; i. NOSS yang sama; ii. NOSS yang berlainan pada tahap yang sama; atau iii. NOSS yang berlainan pada tahap yang berlainan.	

Pelaksanaan Program SLDN:

Program latihan SLDN hendaklah dilaksanakan secara sepenuh masa dan dihadkan kepada satu program modular sahaja pada satu-satu masa. Bagi pelaksanaan program yang melibatkan gabungan CU daripada program yang berlainan atau NOSS yang berlainan, PB SLDN perlu pastikan program NOSS yang hendak digabungkan telah mendapat petaulahan JPK. Jadual 2-7 menunjukkan jumlah pengeluaran sijil melalui kaedah SLDN semenjak tahun 2005.

Jadual 2-7: Jumlah pengeluaran sijil melalui kaedah SLDN

Persijilan	Tahun 2018		Keseluruhan		
	Sijil	PC	Sijil	PC	PC (1 MASTER)
SKM Tahap 1	1,625	43	20,812	1,583	
SKM Tahap 2	4,064	198	30,958	262	
SKM Tahap 3	2,898	53	15,163	123	2,734
DKM	142	0	524	0	
DLKM	44	0	65	0	
Jumlah	8,773	294	67,522	1,968	2,734

2.3 PERSIJILAN PELAJAR ANTARABANGSA

Program SkillsMalaysia INVITE telah memperkenalkan Persijilan Kemahiran Malaysia ke peringkat antarabangsa. Ianya merupakan satu program yang direka khusus untuk menggalakkan PB menawarkan latihan kemahiran kepada pelajar antarabangsa. Jadual 2-8 menunjukkan jumlah pelajar antarabangsa yang telah mendaftar untuk mengikuti latihan kemahiran di Malaysia pada tahun 2018. Manakala Jadual 2-9 pula menunjukkan jumlah pelajar antarabangsa mengikut PB dan tahap persijilan.

Jadual 2-8: Jumlah pendaftaran pelajar Antarabangsa

Tahun	Pendaftaran
2013	736
2014	1,355
2015	2,539
2016	603
2017	378
2018	254
Jumlah Keseluruhan	5,865

Jadual 2-9: Bilangan Pendaftaran Pelajar Antarabangsa mengikut PB

Bil.	Pusat Bertauliah	Bilangan Pelajar				Jumlah Keseluruhan
		T1	T2	T3	T4	
1	Akademi Kemahiran Minda Isbauk	-	-	3	47	50
2	Asean Culinary Academy	-	-	7	-	7
3	Berjaya Higher Education	-	-	2	-	2
4	Berlin Malaysia Institute	-	11	-	-	11
5	Butter & Olive College Of Baking and Culinary Arts	-	15	-	-	15
6	Cilantro Culinary Academy	-	1	3	-	4
7	Global Beauty Training Academy	-	10	-	-	10
8	City Advance Skill Academy	-	13	10	-	23
9	Golden Chef Culinary Academy	-	1	1	-	2
10	Issamay School Of Beauty	-	1	-	-	1
11	Kolej Synergy	-	-	-	2	2
12	Kolej TOC	-	-	6	-	6
13	RQC Management	-	-	-	9	9
14	Sg Akademi	-	62	33	7	102
15	TMC Aesthetic Academy	-	6	4	-	10
Jumlah Keseluruhan		-	120	69	65	254



BAB 3:

PEMERKASAAN SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA

PEMERKASAAN SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA



3.1 PEMBANGUNAN DOKUMEN KERANGKA PEKERJAAN

Dokumen Kerangka Pekerjaan (*Occupational Framework - OF*) telah dibangunkan dengan berpandukan kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia atau *Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008*. Jadual 3-1 menunjukkan tajuk kerangka pekerjaan yang telah dibangunkan mengikut Seksyen MSIC 2008 pada tahun 2018.

Jadual 3-1: Senarai Tajuk Kerangka Pekerjaan (OF)

Bil.	Tajuk Kerangka Pekerjaan (OF)
1.	Retail and wholesale
2.	Tour & Travel Industry
3.	Shipping Service Industry
4.	Dance, Theater and Music
5.	Growing of Perennial Crops
6.	Manufacture of plastic products
7.	Manufacture of tobacco products
8.	Manufacture of other food products
9.	Manufacture of electrical equipment
10.	Repair and installation of machinery and equipment
11.	Manufacture of computer, electronic and optical products
12.	Support activities to agriculture and post-harvest crops activities
13.	Wholesale & retail trade and repair of motor vehicles and motorcycles
14.	Manufacture of basic pharmaceutical products & pharmaceutical preparations



Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penilaian Kerangka Pekerjaan (JTPOF) di JKKN, Menara TH,
Kuala Lumpur pada 9 Oktober 2018

3.2 PEMBANGUNAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN

Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau *National Occupational Skills Standards* (NOSS) dibangunkan oleh JPK dengan kerjasama industri sebagai panel pembangun. NOSS yang dibangunkan juga turut didaftarkan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) secara berperingkat. Jadual 3-2 menunjukkan jumlah NOSS yang telah diluluskan oleh MPKK pada tahun 2018.

Jadual 3-2: Jumlah NOSS yang diluluskan oleh MPKK

Tahap	Bilangan NOSS
Tahap 1	1
Tahap 2	20
Tahap 3	29
Tahap 4	16
Tahap 5	18
NCS	4
Jumlah	88



Mesyuarat Kerja Pembangunan NOSS Nyanyian di JKKN, Menara TH, Kuala Lumpur pada 14 September 2018



Mesyuarat Pembentangan NOSS TUDM di Wisma Perwira, Kuala Lumpur pada 26 Disember 2018

3.3 ARTIKULASI PROGRAM KEMAHIRAN

Artikulasi program kemahiran merupakan inisiatif dalam Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia 2016 hingga 2020 yang bertujuan menyediakan akses pendidikan berkualiti untuk membangunkan modal insan yang relevan, kompeten dan berdaya saing bagi memenuhi keperluan ekonomi negara. Program artikulasi mewujudkan laluan bagi lepasan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM)/ Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi di Institut Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta terutamanya di *Malaysian Technical University Network* (MTUN) yang merupakan gabungan empat buah universiti berasaskan teknikal seperti berikut;



Universiti
Tun Hussein Onn
Malaysia (UTHM)



Universiti
Teknikal Malaysia
Melaka (UTeM)



Universiti
Malaysia
Perlis (UniMAP)



Universiti
Malaysia
Pahang (UMP)

MTUN telah menawarkan permohonan bagi kemasukan ke Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional Dengan Kepujian seperti di Jadual 3-3.

Jadual 3-3: Senarai program yang ditawarkan oleh MTUN

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)		
Program	Program	Program
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Awam (Pembinaan) BY11	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Mekanikal (Automotif) BY31	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektronik (Automasi Industri) BY32
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektrik (Kuasa Elektrik) BY33	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Mekanikal (Pembuatan) BY55	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektronik (Komunikasi dan Komputer) BY82
Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional Dengan Kepujian Elektrik & Elektronik BT61	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional Dengan Kepujian Penyejukbekuan & Penyaman Udara BT71	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional Dengan Kepujian Pemesinan Am BT72
Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional Dengan Kepujian Binaan Bangunan BT73	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional Dengan Kepujian Kimpalan & Fabrikasi Logam BT74	 UTHM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)		
Program	Program	Program
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektrik (Kuasa Industri) CY31	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektrik (Automasi Industri & Robotik) CY32	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektronik (Telekomunikasi) CY41
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektronik (Elektronik Industri) CY42	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Mekanikal (Teknologi Automotif) CY51	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Mekanikal (Sistem Penyejukan dan Penyamanan Udara) CY52
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Mekanikal (Teknologi Penyelenggaraan) CY53	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Komputer (Sistem Komputer) CY81	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Pembuatan (Proses & Teknologi) CY91
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Pembuatan (Reka Bentuk Produk) CY92	 <p>UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA</p>	

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UNIMAP)		
Program	Program	Program
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektronik (Sistem Elektronik) RY40	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektronik (Rekabentuk Telekomunikasi Elektronik) RY41	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektronik (Rekabentuk Rangkaian Elektronik) RY43
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektronik (Elektronik Bersepadu) RY44	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Mekanikal (Pemesinan) RY55	
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Mekanikal (Pembangunan Produk) RY57	 <p>UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS</p>	

MTUN: UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)		
Program	Program	Program
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Pembuatan JY90	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektrikal JY30	
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Pengurusan Infrastruktur JY60		

Bagi sesi akademik 2018/2019, sejumlah 271 permohonan daripada lepasan DKM/DLKM telah diterima melalui sistem UPU. Jadual 3-4 menunjukkan jumlah penawaran kepada lepasan DKM/DLKM bagi sesi akademik 2018/2019 ke universiti awam.

Jadual 3-4: Bilangan Penawaran Lepasan DKM/DLKM Bagi Sesi Akademik 2018/2019

Bil.	Universiti	Penawaran	Program
1	UTHM	19	12
2	UTeM	50	14
3	UNIMAP	7	6
4	UMP	4	4
5	UPSI	3	3
Jumlah		83	39

3.4 PROGRAM e-TRAINING

Program e-Training JPK merupakan satu kaedah perlaksanaan latihan kemahiran yang menyediakan platform pembelajaran atas talian. Program ini mengandungi aplikasi MyLMS (*Learning Management System*) yang meliputi sistem e-portfolio dan e-assessment bagi kegunaan pelatih pusat bertauliah dan calon yang memohon persijilan secara kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

Di antara aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2018 ialah bengkel bersama ahli Core Team yang telah diadakan pada 17 hingga 19 Januari 2018 di A'Famosa Resort Melaka dan telah dihadiri oleh seramai 22 orang peserta.



Bengkel Program Core Team pada 17 hingga 19 Januari 2018 di A'Famosa Resort Melaka

3.5 KAJIAN PEMBANGUNAN LATIHAN KEMAHIRAN

Pada 2018 JPK telah melaksanakan dua kajian seperti berikut:

KAJIAN 1

Kajian Pelaksanaan Terbaik Persijilan Kemahiran Malaysia Berkonsepkan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengukur pencapaian objektif pensijilan menggunakan kaedah PPT melalui kesan pensijilan terhadap pekerja dan majikan dan menilai proses sedia ada bagi mengenalpasti strategi yang sesuai untuk tujuan penambahbaikan. Rekabentuk *mixed-method* telah digunakan, menggabungkan pendekatan secara kuantitatif dan kualitatif. Fokus kajian melibatkan tiga sektor industri iaitu Pengangkutan, Hospitaliti & Pelancongan serta Perubatan & Farmaseutikal.

KAJIAN 2

Malaysia Oil & Gas Industry Workforce – Are We Tuned-Up for the Rebound

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis kesediaan industri minyak dan gas ke arah pemulihan dan kesediaan tenaga kerja untuk menghadapi pemulihan tersebut. Skop kajian merangkumi:

- (1) kesediaan industri - sejauh mana industri minyak dan gas berupaya menggaji pekerja dan
- (2) kesediaan tenaga kerja - sejauh mana tenaga kerja bersedia untuk diambil bekerja semula.

3.6 PENYERTAAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Unit Antarabangsa JPK telah menyelaras, mengurus dan memantau program antarabangsa yang melibatkan pendidikan dan latihan kemahiran di peringkat antarabangsa. Jadual 3-5 menunjukkan senarai program yang telah disertai oleh JPK pada tahun 2018.

Jadual 3-5: Senarai Program antarabangsa yang disertai JPK

Bil.	Tarikh	Program	Negara
1	11 - 14 Februari	BIMP-EAGA Strategic Planning Meeting	Brunei
2	23 - 27 April	TVET Working Meeting	Vietnam
3	11 - 15 Jun	Mesyuarat Hala Tuju Pengantarabangsaan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)	Sweden
4	21 - 22 Jun	The 7th Regional Policy Dialogue TVET (RECOTVET)	Indonesia
5	2 - 11 Julai	Lawatan Penandaarsaan PPT di Australia	Australia
6	10 - 11 Julai	4th Regional Skills Technical Working Group Meeting (ILO-RSTWG)	Philippines
7	1 Julai	Kursus Induksi Pekerja Asing	Cambodia
8	31 Julai – 3 Ogos	The 2nd BIMP-EAGA Technical and Vocational Education and Training (TVET) Forum and Higher Education Institutions (HEIs)	Filipina
9	6 - 7 Ogos	Workshops Labour Market Information for Migration Policy	Thailand
10	27 Ogos – 12 September	ASD-CBA Competency Application Capacity Building Pilot Program	Taiwan
11	15 - 28 Oktober	Technical Specialist Dispatch to Cambodia 2018: Industrial AC Motor Control Technology	Cambodia
12	23 - 24 Oktober	ASEAN-Australia Infrastructure Skills Dialogue	Australia
13	28 - 30 Oktober	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Berkenaan Personnel Qualification (ISO/TC135/SC7)	Amerika Syarikat
14	1 - 3 November	Seminar kali ke-6 tahun 2018 ‘Sart Public HR: Toward Sustainable and Collaborative Governance’	Korea Selatan
15	5 - 6 November	Capacity Building Workshop on Labour Market Information System for Migration Policy	Thailand
16	5 - 23 November	6th In-CT (Company Trainer) Master Trainer Training	Filipina
17	7 - 8 November	Conference on Sharing Best Practices on Harnessing Industry Involvement in Development of Higher Level Qualification	Filipina

Bil.	Tarikh	Program	Negara
18	7 - 8 November	4th BIMP-EAGA Social Cultural and Education (SCE) Cluster Meeting	Indonesia
19	13 - 15 November	ASEAN+3 HRD Forum Digital Economy and Shared Future: Innovation, Policy and Governance in Skills Development	Korea
20	20 - 22 November	The 8th Regional Policy Dialogue on TVET and 10th Annual Expert Meeting of the Initiative on Employment and Skills Strategies in Southeast Asia (ESSA)	Lao PDR
21	23 - 26 November	22nd BIMP-EAGA Ministerial and Related Meetings	Brunei Darussalam
22	27 - 29 November	Fifth NQF Phase IV Workshop & AQRF Committee Meeting	Brunei Darussalam
23	12 - 15 Disember	Visit to Institute For Information and Communication Technology Promotion (IITP)	Korea Selatan



Penyertaan Pegawai JPK dalam program RECOTVET 7th Regional Policy Dialogue on TVET "Business and Industry Cooperation In TVET-Towards A Better Practice For ASEAN" di Jakarta, Indonesia pada 21 hingga 22 Jun 2018



Penyertaan Pegawai JPK dalam program ASD-CBA Competency Application Capacity Building Pilot Program pada 27 Ogos – 12 September 2018 di Taiwan



Penyertaan Pegawai JPK dalam bengkel *6th In-CT (Company Trainer) Master Trainer Training* di Manila pada 5 hingga 23 November 2018

Selain daripada itu, JPK juga turut menerima lawatan daripada delegasi luar negara iaitu Jepun pada 3 Mei 2018 dan Tunisia pada 16 November 2018.




Lawatan Delegasi Tunisia ke JPK bersama Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YBrs. Dr Mohd Rashid bin Buyong Hamzah pada 16 November 2018

3.7 PEMATUHAN TERHADAP DASAR DAN PERUNTUKAN PERUNDANGAN DI BAWAH AKTA 652

3.7.1 Pemeriksaan dan Pemantauan Pusat Bertauliahan

Lawatan pemeriksaan ke atas Pusat Bertauliahan dijalankan sebagaimana peruntukan di bawah seksyen 38 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Akta 652) bagi memastikan pelaksanaan latihan kemahiran oleh Pusat Bertauliahan mematuhi keperluan Akta 652 serta mengikut peraturan dan syarat yang telah ditetapkan. Rajah 3-1 menunjukkan jumlah lawatan pemeriksaan yang telah dilaksanakan pada tahun 2018. Jadual 3-6 menunjukkan jenis tindakan yang telah dikenakan ke atas program bertauliahan dan bilangan pusat bertauliahan yang terlibat.



Rajah 3-1: Bilangan Lawatan Pemeriksaan

Jadual 3-6: Bilangan Pusat Bertaualiah dan Program Bertaualiah Mengikut Jenis Tindakan

Jenis Tindakan	Bilangan Pusat Bertaualiah yang Terlibat	Bilangan Program Bertaualiah yang Dikenakan Tindakan
Amaran	3	16
Pembatalan Pentauliahan Program	6	10
Pembatalan Kelulusan Pelatih Antarabangsa	1	5
Tindakan Secara Pentadbiran	15	75
Jumlah	25	106

3.7.2 Kawalan Pengiklanan

Sebarang bentuk pengiklanan berkaitan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) oleh Pusat Bertaualiah atau mana-mana pihak perlu mendapatkan kelulusan JPK. Iklan yang dikeluarkan perlu mempunyai maklumat yang jelas dan tidak menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat. Jadual 3-7 menunjukkan sebanyak 74 permohonan pengiklanan telah diproses sepanjang tahun 2018 dan 87% telah diluluskan.

Jadual 3-7: Permohonan Pengiklanan Yang Diterima

Zon	Jumlah Permohonan
Tengah	29
Utara	6
Timur	12
Selatan	11
Sabah	4
Sarawak	12
Jumlah	74

3.7.3 Penarafan Bintang Program Bertaualiah

Penarafan Bintang Program Bertaualiah diadakan bertujuan untuk memberi penarafan terhadap program bertaualiah yang dijalankan dengan mengambil kira tahap penyampaian perkhidmatan latihan kemahiran yang disediakan oleh Pusat Bertaualiah. Ianya dilaksanakan setiap dua tahun sekali bermula pada tahun 2011.

Rajah 3-2 menunjukkan beberapa aktiviti telah dijalankan pada tahun 2018 susulan daripada keputusan Penarafan Bintang Program Bertauliah 2017 serta aktiviti persediaan bagi pelaksanaan pada tahun 2019 yang bertujuan untuk menambah baik pelaksanaan penilaian penarafan.



Rajah 3-2: Aktiviti Penarafan Bintang Program Bertauliah



Bengkel Semakan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran (WIM) Siri 2 pada 24 hingga 26 Oktober 2018 di Hotel Grand Continental, Kuantan, Pahang





Bengkel Semakan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran (WIM) Siri 3 pada 31 Oktober hingga 2 November 2018 di Symphony Suites Hotel, Ipoh, Perak



Bengkel Pemurnian Kriteria Penarafan Bintang pada 4 hingga 9 November 2018 di Rocana Hotel, Kuantan, Pahang



3.8 PROJEK PEMBANGUNAN JPK DI BAWAH RMKE-11

Pada tahun 2018 terdapat lapan projek Pembangunan JPK di bawah RMKe-11. Perincian projek dan pencapaianya adalah seperti di Jadual 3-8.

Jadual 3-8: Pencapaian Projek Pembangunan JPK

Nama Projek	Pencapaian 2018
Projek 1: Memperkasa Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) – Pembangunan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran SLDN	<ul style="list-style-type: none"> Pembangunan bahan pengajaran & pembelajaran SLDN bagi 17 program NOSS telah selesai dibangunkan bersama pembangunan kepakaran personel industri.
Projek 2: Kajian Pembangunan Latihan Kemahiran di Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> Kajian Pelaksanaan Terbaik Persijilan Kemahiran Malaysia Berkonsepkan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) melalui Kaedah PPT telah dilaksanakan oleh UTHM.
Jadual 4-13: Ringkasan Aktiviti Antarabangsa Personel Kemahiran di CIAST

Bil.	Aktiviti Antarabangsa	Tarikh
1	Visiting Group of Professor from Indonesia	16 Mac
2	Bengkel Pembangunan Kertas Cadangan Kursus Antarabangsa di Bayou Lagoon Park Resort, Melaka (26 orang).	21 - 24 Mac
3	Kunjungan Hormat Perkumpulan Ahli & Dosen Republik Indonesia (ADRI) (15 orang).	22 Mac
4	Kunjungan Delegasi Program Capacity Building anjuran MQA-UNESCO – Asia-Pacific Regional Bureau For Education, Bangkok (30 orang).	23 Apr
5	Mesyuarat Kerja TVET di BTIC, Hanoi Vietnam (3 orang).	23 - 27 Apr
6	Lawatan dari Korea Technology Engineering Co, Ltd (KTENG) - anjuran Latitude Saga Sdn. Bhd. (5 orang).	14 Mei
7	Selection Meeting for MTCP Course 2018 with Ministry of Foreign Affair	7 Jun
8	Discussion with JICA Malaysia regarding TCTP 2018 (2 persons).	8 Jun
9	Visit by ASEAN TVET Forum (ATEF) Delegation (36 person).	24 Jul
10	Kursus "Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP) 2018 Automotive (Vehicle Electrical, Engine Management System And Introduction To Hybrid Technology)" dari negara Republic Mauritius, Filipina, Vietnam, Bangladesh, Lao PDR, Timor Leste, Bhutan dan Morocco (8 orang).	31 Jul - 17 Ogos
11	"Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP) 2018 Fiber Optic Technology and Installations dari negara Sudan, Lao PDR, Sri Lanka, Tanzania, Nepal, Filipina dan Timor Leste (8 orang).	31 Jul - 17 Ogos
12	Visit by ILO Bangladesh (12 persons).	1 Ogos
13	Discussion with Senior Volunteer Division, JICA, Mr Ikegami.	15 Ogos
14	Lawatan kerja dari KTMC dan CRIACE, Bangkok Thailand seramai (15 orang).	2 - 7 Sep
15	Cooperation with JICA Research Institute for the publication of book "History of Japan's Overseas Development Association: A Historical Perspectives".	3 - 7 Sep
16	Visit by Sri Lanka Institute Development of Administration (SLIDA) (52 persons).	6 Sep
17	Visit by SADC representative (Mr. Tetsuya Fukunaga). Countries: 16 countries of Southern African region)	9 Okt
18	Third Country Counterpart Training : Short-Term Specialist Dispatch , Electronic Motor Control anjuran JICA Cambodia	15 - 28 Okt



Kunjungan Delegasi Program Capacity Building anjuran MQA-UNESCO – Asia-Pacific Regional Bureau For Education, Bangkok pada 23 April 2018 di CIAST





BAB 5: PERTANDINGAN KEMAHIRAN MALAYSIA

PERTANDINGAN KEMAHIRAN MALAYSIA



5.1 MAJLIS PERTANDINGAN KEMAHIRAN MALAYSIA

Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia (MPKM) merupakan majlis yang dianggotai oleh wakil dari agensi awam dan swasta dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia. MPKM bertujuan untuk menentukan dasar dan hala tuju penganjuran pertandingan kemahiran di peringkat kebangsaan dan juga penyertaan Malaysia di ASEAN Skills Competition (ASC) & World Skills Competition (WSC) agar Malaysia bukan sahaja berjaya melahirkan belia yang mahir dan kompeten di peringkat kebangsaan malahan akan turut cemerlang di peringkat ASEAN dan juga antarabangsa. Sebanyak empat persidangan MPKM telah diadakan pada tahun 2018 seperti di Jadual 5-1.

Jadual 5-1: Persidangan MPKM

Persidangan	Tarikh	Tempat
1	13 Februari 2018	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), Kuala Lumpur
2	5 Jun 2018	Kementerian Sumber Manusia, Putrajaya
3	14 Ogos 2018	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), Kuala Lumpur
4	7 November 2018	Kementerian Sumber Manusia, Putrajaya

5.2 PERTANDINGAN WORLD SKILLS MALAYSIA BELIA

Pertandingan WorldSkills Malaysia Belia (WSMB) atau dahulunya dikenali sebagai Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) merupakan pertandingan kemahiran yang dilaksanakan di peringkat kebangsaan. Pertandingan ini telah dianjurkan semenjak tahun 1990 dan ia merupakan usaha sama antara Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Kerja Raya (KKR). WSBM diadakan setiap tahun yang bertujuan untuk memilih dan mengiktiraf pelatih serta pekerja yang mempunyai kemahiran tinggi. Pertandingan ini dijalankan melalui dua peringkat iaitu peringkat pra kelayakan dan peringkat akhir.

Selain itu, ia dapat memberi pendedahan dan meningkatkan kefahaman masyarakat tentang pentingnya bidang kemahiran kepada pembangunan negara. Pertandingan kemahiran ini terbuka kepada belia Malaysia yang berumur tidak melebihi 21 tahun bagi semua bidang yang dipertandingkan kecuali bagi bidang Aircraft Maintenance, Mechatronic dan Information Network Cabling yang mana umur pemohon tidak melebihi 23 tahun.

Jadual 5-2 hingga 5-6 menunjukkan bidang kemahiran yang telah dipertandingkan, agensi yang terlibat dan keputusan pertandingan WSMB pada tahun 2018.

Jadual 5-2: Pertandingan WSMB peringkat akhir 2018 mengikut bidang kemahiran

Bidang	Tarikh	Lokasi
1 Joinery	26 Sept – 1 Okt 2018	Akademi Binaan Malaysia (ABM)
2 Welding		Wilayah Utara, Sintok, Kedah
3 Bricklaying		
4 Wall & Floor Tiling		
5 Plumbing & Heating		
6 Painting & Decorating		
7 Electrical Installations		
8 Refrigeration and Air Conditioning		
9 Mechanical Engineering Design (CAD)		
10 Bakery	27 – 30 Sept 2018	Faculty of Culinary Arts & Food Studies
11 Cooking		Taylor's University Subang Jaya,
12 Pastry		Selangor
13 Restaurant Service		
14 Carpentry (Demo)	26 – 29 Sept 2018	Akademi Binaan Malaysia (ABM)
15 Landscape Gardening (Demo)		Wilayah Utara, Sintok, Kedah
16 Drywall & Plastering Systems (Demo)		
17 Electronics	29 Sept – 2 Okt 2018	Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Shah Alam, Selangor
18 Web Design		
19 Hairdressing		
20 Mechatronics		
21 Florist (Demo)		
22 Beauty Therapy		
23 Jewellery (Demo)		
24 Fashion Technology		
25 Automobile Technology		
26 Graphic Design Technology		
27 IT Network System Administration		
28 IT Software Solutions for Business		
29 Visual Merchandising (Demo)	29 Sept – 1 Okt 2018	Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Shah Alam, Selangor
26 Cabinetmaking	29 Sept – 2 Okt 2018	Pusat Pembangunan Kemahiran Perindustrian Kayu (WISDEC), Banting, Selangor

Jadual 5-3: Keputusan penuh pertandingan WSMB 2018 anjuran Jabatan Pembangunan Kemahiran

Bil.	Bidang	Emas	Perak	Gangsa	SK	SP
1	Automobile Technology	1	1	1	1	2
2	Beauty Therapy					7
3	Cabinetmaking	1	1	1	6	
4	Cooking	1	1	1	4	
5	Electronics	1	1	1	9	
6	Fashion Technology	1	1	1	3	1
7	Graphic Design Technology		1	1	5	2
8	Hairdressing			1	6	1
9	IT Network System Administrations			1		9
10	IT Software Solutions for Business	1	1	1		4
11	Mechatronics				4	8
12	Restaurant Service		1	1	4	1
13	Web Design		1	1		8
14	Bakery (Demo)	1	1	1	3	
15	Florist (Demo)		1	1	4	
16	Jewellery (Demo)			1	3	4
17	Pastry (Demo)	1	1	1	2	3
18	Visual Merchandising (Demo)			1		3
Jumlah		8	12	16	54	53

*SK = Sijil Kecemerlangan, SP = Sijil Penyertaan

Jadual 5-4: Keputusan penuh pertandingan WSMB 2018 anjuran Kementerian Kerja Raya (KKR)

Bil.	Bidang	Emas	Perak	Gangsa	SK	SP
1	Bricklaying	1		1	6	
2	Electrical Installation	1				6
3	Joinery	1	1		4	3
4	Mechanical Engineering Design (CAD)				3	4
5	Painting & Decorating	1		1	5	1
6	Plumbing & Heating	1		1	2	
7	Refrigeration & Air Conditioning			1		7
8	Wall & Floor Tiling	1		1	6	
9	Welding	1		1		7
Jumlah		2	6	6	26	28

*SK = Sijil Kecemerlangan, SP = Sijil Penyertaan

Jadual 5-5: Pungutan pingat pertandingan WSMB 2018 mengikut Agensi

Agensi	Emas	Perak	Gangsa
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)	3	2	6
Akademi Binaan Malaysia (ABM)	2	4	1
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	1	1	1
Universiti Teknologi MARA (UiTM)	1	-	2
Terengganu Timber Industry Training Centre (TTITC)	1	-	-
Diversified Resources Berhad - Heavy Industries Corporation of Malaysia (DRB-HICOM)	1	-	-
TAYLOR UNIVERSITY	1	-	-
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV)	-	3	2
GIATMARA	-	2	4
Majlis Amanah Rakyat (MARA)	-	2	1
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	-	1	1
BAKEWISE ACADEMY	-	1	-
Tunku Abdul Rahman University College (TARUC)	-	1	-
Persendirian	-	1	-
Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)	-	-	2
Institut Kraf Negara (IKN)	-	-	1
Wood Industry Skills Development Centre (WISDEC)	-	-	1
Jumlah	10	18	22

Jadual 5-6: Jumlah pungutan pingat WSMB 2018



5.3 PERTANDINGAN WORLD SKILLS MALAYSIA PENGAJAR

Pertandingan WorldSkills Malaysia Pengajar (WSMP) 2018 dianjurkan sepenuhnya oleh JPK, KSM. Pertandingan ini diadakan adalah untuk tenaga pengajar bersaing diperingkat kebangsaan. Jadual 5-7 hingga 5-10 menunjukkan perincian mengenai pertandingan WSMP pada tahun 2018.

Jadual 5-7: Pertandingan WSMP 2018 mengikut bidang kemahiran

Bil.	Bidang	Tarikh	Lokasi
1	Refrigeration and Air Conditioning	20 Sept – 24 Okt	Universiti Kuala Lumpur Malaysia
2	Mechanical Engineering Design CAD	2018	France Institute (UniKL MFI)
3	Fashion Technology	24 Sept – 2 Okt	Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Shah Alam, Selangor
4	Electrical Installation	2018	
5	Graphic Design Technology		
6	IT Network System Administration		

Jadual 5-8: Keputusan Penuh WSMP 2018 Anjuran Jabatan Pembangunan Kemahiran

Bil.	Bidang	Emas	Perak	Gangsa	SK	SP
1	Electrical Installation	1		1	1	3
2	Fashion Technology			1		5
3	Graphic Design Technology			1	6	1
4	Refrigeration & Air Conditioning				1	4
5	IT Network System Administrations					6
6	Mechanical Engineering Design (CAD)					6
Jumlah		1	0	3	8	25

*SK = Sijil Kecemerlangan, SP = Sijil Penyertaan

Jadual 5-9: Pungutan pingat WSMB 2018 mengikut Agensi

Bil.	Agensi	Emas	Perak	Gangsa	SK	SP
1	Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	1		1	3	5
2	GIATMARA			1	2	3
3	Penang Skills Development Centre (PSDC)			1		
4	Majlis Amanah Rakyat (MARA)				1	8
5	Kolej Komuniti				1	2
6	Politeknik				1	2
7	Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)					2
8	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV)					1
9	Tunku Abdul Rahman University College (TARUC)					1
10	BAK'S Creation					1
Jumlah		1	0	3	8	25

SK = Sijil Kecemerlangan, SP = Sijil Penyertaan

Jadual 5-10: Jumlah Pungutan Pingat WSMP 2018

**1
EMAS**



**-
PERAK**



**3
GANGSA**



**8
SIJIL
KECEMERLANGAN**



**25
SIJIL
PENYERTAAN**



Pertandingan WorldSkills Malaysia Belia (WSMB)



Automobile Technology



Bakery



Beauty Therapy



Bricklaying



Cooking



Cabinetmaking



Carpentry (Demo)



Drywall & Plastering Systems
(Demo)



Electrical Installations



Electronics



Fashion Technology



Florist



Graphic Design Technology



Hairdressing



IT Network System Administration



IT Software Solutions for Business



Pastry



Restaurant Service



Web Design



Mechatronics



Jewellery



Welding



Wall & Floor Tiling



Painting & Decorating



Refrigeration and Air Conditioning



Mechanical Engineering Design
(CAD)



Landscape Gardening (Demo)



Pertandingan WorldSkills Malaysia Pengajar (WSMP)



Mechanical Engineering Design
(CAD)



Electrical Installation



Fashion Technology



Graphic Design



IT Network



Refrigeration & Air Conditioning

5.4 PERTANDINGAN ASEAN SKILLS COMPETITION

Pertandingan ASEAN Skills Competition (ASC) merupakan pertandingan kemahiran peringkat kedua tertinggi selepas *WorldSkills Competition* (WSC). Pertandingan ini diadakan pada setiap dua tahun sekali yang bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada belia-belia berkemahiran unggul di seluruh negara ASEAN. Pada tahun 2018, ASC yang ke-12 telah berlangsung dari 26 Ogos hingga 4 September 2018 di Bangkok, Thailand.

Jabatan telah menguruskan penyertaan negara ke ASC 2018 tersebut dan seramai 48 orang peserta yang terpilih ke ASC 2018 dalam 24 bidang kemahiran yang dipertandingkan di ASC 2018. Kontinjen negara diketuai oleh YBrs Ts. Nidzam bin Kamarulzaman, Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran selaku Chef De Mission.

Pencapaian Malaysia di ASC 2018 merupakan salah satu penanda aras kepada tahap kualiti latihan kemahiran dan pendidikan vokasional negara serta daya saing negara di peringkat ASEAN. Prestasi negara di ASC 2018 juga akan memberi impak yang tinggi kepada golongan muda di Malaysia serta memberi aspirasi kepada para belia untuk menceburi bidang berasaskan teknikal dan vokasional.

Dalam menepati hasrat negara mencapai daya saing yang tinggi di peringkat global terutamanya dalam menghadapi Revolusi Perindustrian 4.0 penglibatan negara dalam pertandingan kemahiran peringkat antarabangsa seperti ini akan memberi kesedaran kepada para belia negara mengenai kepentingan menguasai sesuatu bidang kemahiran, potensi diri dan peluang pekerjaan yang dapat diceburi pada masa akan datang. Ini juga selaras dengan aspirasi kerajaan bagi melahirkan tenaga kerja yang kompeten, berkualiti dan berdaya tahan tinggi.

a. Program Motivasi Peserta ASC 2018

Program motivasi diadakan adalah bertujuan untuk memastikan pasukan negara dapat mencapai sasaran yang ditetapkan. JPK, Kementerian Sumber Manusia telah bekerjasama dengan Kementerian Kerja Raya dengan mengadakan tiga siri program motivasi sebagai persediaan peserta ke ASC 2018 Bangkok.

Objektif program ini adalah untuk memberi motivasi dan kesedaran kepada peserta Malaysia agar lebih terus berdaya saing, di samping memberi pemahaman kepada peserta mengenai tanggungjawab dan peranan yang dipikul sebagai "wakil Malaysia" serta memberi pendedahan dan penerangan mengenai persediaan diri ke ASC 2018.

- Siri 1 pada 13 hingga 15 Mac 2018 di The Outward Bound® Trust of Malaysia, Lumut, Perak.
- Siri 2 pada 3 hingga 6 Julai 2018 di Agrotek Resort, Ulu Langat, Selangor
- Siri 3 pada 16 Ogos 2018 di Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST), Selangor.



Program Motivasi Peserta ASC 2018



Program motivasi peserta ASC 2018

b. Majlis Solat Hajat dan Penyampaian Amanat Ketua Kontinen ASC 2018

Majlis ini diadakan di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Shah Alam, Selangor. Majlis bermula dengan solat hajat yang diadakan di Surau CIAST pada 16 Ogos 2018 dan diteruskan dengan Majlis Penyampaian Amanat oleh YB Dato' Mahfuz Bin Omar, Timbalan Menteri Sumber Manusia selaku pengurus MPKM pada 17 Ogos 2018.



Majlis penyampaian amanat kepada peserta ASC 2018



Program Motivasi Peserta ASC 2018

c. Majlis Pelepasan Kontinjen Negara ke ASC 2018 Bangkok di KLIA

Majlis Pelepasan Kontinjen Negara ke ASC 2018 Bangkok diadakan pada 28 Ogos 2018 bertempat di KLIA. Kontinjen negara berlepas ke Bangkok secara berperingkat bermula dengan pelepasan kumpulan pertama yang terdiri daripada pakar dan ketua pasukan pada 26 Ogos 2018 diikuti dengan kumpulan kedua yang diketuai oleh YBrs Ts. Nidzam bin Kamarulzaman selaku Ketua Kontinjen bersama peserta dan urus setia pada 28 Ogos 2018 dan kumpulan ketiga pada 30 Ogos 2018. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB M. Kula Segaran, Menteri Sumber Manusia.



Majlis pelepasan kontinjen
ASC 2018

d. Pencapaian peserta Negara di ASC 2018 Bangkok

Pada tahun ini, Malaysia telah berjaya meraih empat pingat emas, satu perak, lima gangsa dan 21 Sijil Kecemerlangan. Dengan pencapaian ini, Malaysia berada pada kedudukan 4 daripada 10 negara yang bertanding berdasarkan jumlah pingat yang telah diperolehi. Jadual 5-11 hingga 5-14 menunjukkan perincian mengenai ASC 2018 di Bangkok.

Jadual 5-11: Pencapaian negara di ASC 2018

Negara	Emas	Perak	Gangsa	Sijil Kecemerlangan	Jumlah
Thailand	16	4	3	13	36
Indonesia	13	6	8	7	34
Vietnam	6	5	5	16	32
Malaysia	4	1	5	21	31
Singapore	3	3	3	7	16
Philippines	0	1	2	8	11
Lao PDR	0	0	0	5	5
Brunei Darussalam	0	0	0	1	1
Cambodia	0	0	0	1	1
Myanmar	0	0	0	1	1

Jadual 5-12: Pencapaian Peserta Negara di ASC 2018

Bil.	Bidang	Nama Peserta, Markah, Pencapaian
1	Automobile Technology	Ling Kar Hui, 700, Sijil Kecemerlangan Muhammad Nur Hisyam bin Che Saupi, 720, Emas
2	Beauty Therapy	Mishalini A/P Krishnamoorthy, 709, Sijil Kecemerlangan Nur Aliah Nadhirah binti Yusri, 700, Sijil Kecemerlangan
3	Cabinetmaking	Muhammad Kamarul Afzan bin Nazri, 712, Sijil Kecemerlangan Joerdan Jesselly James, 720, Sijil Kecemerlangan
4	Cooking	Edward Eng Sheng Pei, 743, Emas Wong Teck Jin, 708, Sijil Kecemerlangan
5	Electronics	Muhammad Hasbul Arman bin Azhar, 700, Sijil Kecemerlangan Mohd Daniel Shah bin Nordin, 681, Sijil Penyertaan
6	Fashion Technology	Azni Syafika binti Alizar, 685, Sijil Penyertaan Hanafi bin Osman, 738, Perak
7	Graphic Design Technology	Sharifah Suhaila binti Syed Mohamed Raffe, 692, Sijil Penyertaan Muhamad Ikhwan bin Isam, 705, Sijil Kecemerlangan
8	Hairdressing	Willy Soo Siong Chung, 713, Gangsa Mohammad Aliff bin Kamarudin, 713, Gangsa
9	IT Network System Administration	Meor Muhammad Kamal bin Meor Muhammad Sulaiman, 732, Sijil Kecemerlangan Muhammad Hafiz bin Jamil, 696, Sijil Penyertaan

Bil.	Bidang	Nama Peserta, Markah, Pencapaian
10	IT Software Solution For Business	Chuan Chuan Yu, 716, Sijil Kecemerlangan Hishamudin bin Ali, 690, Sijil Penyertaan
11	Mechatronics	Muhamad Lukhman bin Mohd Khair, 684, Sijil Penyertaan Muhammad Saiful Anuar bin Hasnul, 684, Sijil Penyertaan
12	Restaurant Service	Muhammad Shahrul Hisham bin Ahmad, 722, Sijil Kecemerlangan Siti Nur Adlina binti Kamaruzzaman, 700, Sijil Kecemerlangan
13	Web Design	Wong Sheng Chuang, 720, Sijil Kecemerlangan Muhammad Hilman bin Muhaiyuddin, 680, Sijil Penyertaan
14	Industrial Automation	Er Cao Yun, 700, Gangsa Muhammad Zulizlan bin Samadiyah, 700, Gangsa
15	CNC Maintenance	Mohamad Abdiellah bin Md Romli, 572, Sijil Penyertaan Wan Muhammad Haziq bin Wan Kamarul Azmani, 572, Sijil Penyertaan
16	Car Painting (Demo)	Mohamad Ridzuan bin Wahid, 700, Sijil Kecemerlangan Muhamad Buhari bin Hussin, 681, Sijil Penyertaan
17	Internet Of Thing (IOT)	Ng Ming Xian, 692, Sijil Penyertaan Miw Jin Li, 692, Sijil Penyertaan
18	Bricklaying	Muhammad Amierul Aliff bin Abd. Aziz, 704, Sijil Kecemerlangan Muhammad Zulkifli bin Awang @ Jusoh, 700, Sijil Kecemerlangan
19	Electrical Installation	Amir Syazwan bin Saridan, 728, Emas Wan Mohd Hanif bin Wan Mohd Najib, 708, Sijil Kecemerlangan
20	Joinery	Muhammad Izzul Syahmi bin Mohd Robi, 700, Sijil Kecemerlangan Syed Abdul Rahman bin Syed Abd. Rahim, 534, Sijil Penyertaan
21	Mechanical Engineering Design	Yusri Shuhairi bin Yaakob, 712, Sijil Kecemerlangan Tengku Mohd Hafizan bin Tengku Zahari, 700, Sijil Kecemerlangan
22	Refrigeration & Air Conditioning	Haziq Fauzi bin Abdul Jalil, 719, Emas Mat Zahin bin Mat Osman, 668, Sijil Penyertaan
23	Wall & Floor Tiling	Che Wan Mohamad Ameierwan bin Che Wan Md. Amin, 713, Gangsa Helvy Tison @ Joseph, 682, Sijil Penyertaan
24	Welding	Mohamad Amirol Amin bin Mohamad Zamri, 720, Gangsa Mohd Fikri bin Ridzuan, 716, Sijil Kecemerlangan

Jadual 5-13: Pencapaian Malaysia Sepanjang Penglibatan di ASC

Tahun	Tuan Rumah	Bidang	Peserta	Pencapaian				Sijil Kecemerlangan (SK)
				Emas	Perak	Gangsa		
1995	Malaysia	6	8	2	2	3	1	
1996	Filipina	7	8	4	-	3	1	
2001	Thailand	9	11	3	-	3	4	
2002	Indonesia	7	8	1	2	1	4	
2004	Vietnam	5	7	-	1	2	4	
2006	Brunei	10	15	3	-	5	7	
2008	Malaysia	19	38	6	7	5	7	
2010	Thailand	18	25	1	2	5	7	
2012	Indonesia	22	44	3	4	4	14	
2014	Vietnam	25	51	9	4	4	17	
2016	Malaysia	25	50	22	4	5	6	
2018	Thailand	24	48	4	1	5	21	

Jadual 5-14: Pencapaian Peserta ASC 2018 Mengikut Agensi TVET

Bil.	Agensi	Peserta	Emas	Perak	Gangsa	SK	Jumlah
1	GIATMARA	8	3	1	1	3	8
2	Taylor's University	1	1				1
3	Politeknik	7			1	3	4
4	Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	8			1	2	3
5	Khal Hair Salon	1			1		1
6	Akademi Binaan Malaysia (ABM) Selatan	2			1		1
7	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	4				4	4
8	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	4				3	3
9	Universiti Teknikal Malaysia (UTeM)	3				1	1
10	Tunku Abdul Rahman University College (TARUC)	3				1	1
11	SLC Unitech	1				1	1

Bil.	Agensi	Peserta	Emas	Perak	Gangsa	SK	Jumlah
12	Devinaas Bridal	1				1	1
13	Asiapro Chef School	1				1	1
14	Wood Industry Skills Development Centre (WISDEC)	1				1	1
15	Kumpulan Indah Raya	1					
16	Inpens International College	1					
17	Kolej Vokasional (KV)	1					
Jumlah		48	4	1	5	21	31





e. Majlis Sambutan Kontinjen Negara dari ASC 2018 Bangkok di KLIA

Majlis Sambutan Kontinjen Negara dari ASC 2018 Bangkok telah diadakan pada 5 September 2018 bertempat di KLIA. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB M. Kula Segaran. Pada majlis tersebut juga para peserta yang berjaya telah diraikan dengan penyampaian pingat oleh Menteri Sumber Manusia, YB M. Kula Segaran.



Majlis Sambut Kepulangan
Kontinjen ASC 2018

5.5 PERTANDINGAN ABILYMPICS KEBANGSAAN

CIAST sekali lagi telah menjadi tapak pertandingan bagi Pertandingan Abilympics Kebangsaan 2018 yang dianjurkan bersama Majlis Pemulihran Malaysia pada 18 Oktober 2018. Bidang yang dipertandingkan adalah seperti berikut;

- Word Processing (20 peserta)
- Data Processing (8 peserta)
- Computer Assembly (6 peserta)
- Creating Webpages (2 peserta)

Peserta yang memenangi peringkat kebangsaan akan dibawa ke Pertandingan Abilympics Antarabangsa yang dijangka akan diadakan di Kazan, Rusia pada tahun 2019.

Pemenang Pertandingan
Abilympics Kebangsaan
2018



5.6 PERTANDINGAN *WORLDSKILLS ASIA* (WSA)

Malaysia telah menghantar kontinjen bagi menyertai pertandingan *WorldSkills Asia* (WSA) Abu Dhabi 2018 dari 26 November hingga 30 November 2018 yang diketuai oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran, YBrs. Ts. Nidzam bin Kamarulzaman.

Pertandingan WSA adalah satu pertandingan kemahiran peringkat Asia di mana para belia dari negara-negara rantau Asia bertanding bagi mencari peserta terbaik di dalam bidang kemahiran yang dipertandingkan. Jumlah keseluruhan peserta adalah seramai 159 orang yang terdiri daripada 104 peserta negara anggota *WorldSkills Asia* dan 55 peserta negara bukan anggota.

Kontinjen negara diwakili oleh 12 orang peserta negara dan lapan orang pakar negara bagi lapan bidang kemahiran yang dipertandingkan. Sebanyak tiga bidang di bawah pengurusan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) iaitu *Automobile Technology*, *Fashion Technology* dan *Car Painting*, manakala lima bidang di bawah pengurusan Kementerian Kerja Raya adalah *Electrical Installations*, *Mechanical Engineering Design-CAD*, *Refrigeration and Air-Conditioning*, *Painting and Decorating* dan *Welding*.

Malaysia telah berjaya merangkul 3 Pingat Emas, 3 Pingat Perak dan 5 Sijil Kecemerlangan di WSA Abu Dhabi 2018. Jadual 5-15 menunjukkan pencapaian peserta Malaysia di WSA Abu Dhabi 2018.

Secara keseluruhannya seramai 11 peserta Malaysia daripada kesemua 12 peserta yang menyertai telah berjaya memungut pingat Emas, Perak dan Sijil Kecemerlangan dalam lapan bidang kemahiran yang disertai. Pencapaian ini merupakan pencapaian yang cemerlang dan boleh dibanggakan di mana 92% peserta telah mencapai tahap kecemerlangan. Kejayaan negara di WSA 2018 akan menjadi pemangkin ke arah kejayaan yang lebih besar di *WorldSkills Competition* (WSC) Kazan 2019 nanti. Jadual 5-15 menunjukkan pencapaian Malaysia di WSA Abu Dhabi 2018.

Jadual 5-15: Pencapaian Peserta Malaysia di WSA Abu Dhabi 2018

Bil.	Nama	Bidang	Agenzi	Pingat
1	Haziq Fauzi Abdul Jalil	<i>Refrigeration & Air Conditioning</i>	UniKL-MFI GIATMARA	Emas
2	Mohamad Amirol Amin Mohamad Zamri	<i>Welding</i>	ABM Wilayah Selatan	Emas
3	Mohamad Ridzuan Wahid	<i>Car Painting</i>	IKTBN Dusun Tua	Emas
4	Hanafi Osman	<i>Fashion Technology</i>	GIATMARA Saratok	Perak
5	Megat Muhammad Nurhan Munir	<i>Mechanical Eng. Design CAD</i>	UniKL-MFI	Perak
6	Ahmad Naim Mohamad Rosli	<i>Painting & Decorating</i>	ABM Wilayah Sarawak	Perak

Bil.	Nama	Bidang	Agensi	Pingat
7	Amir Syazwan Saridan	<i>Electrical Installations</i>	GIATMARA Taiping	Sijil Kecemerlangan
8	Simon Wong Tian Bing	<i>Automobile Technology</i>	DRB Hicom University	-
9	Muhammad Putera Rafii	<i>Refrigeration & Air Conditioning</i>	ABM Wilayah Utara	-
10	Zarith Zulhanis Zuninedi	<i>Welding</i>	ABM Wilayah Selatan	Sijil Kecemerlangan
11	Nur Hanis Elliesya Mohd Azizan	<i>Painting & Decorating</i>	ABM Wilayah Selatan	Sijil Kecemerlangan
12	Muhammad Zulkhairi Zubir	<i>Electrical Installations</i>	ABM Wilayah Utara	Sijil Kecemerlangan



5.7 PERTANDINGAN JUNIOR SKILLS MALAYSIA 2018

Junior Skills Competition merupakan pertandingan yang dicadangkan oleh Netherlands dan mula diperkenalkan pertama kali di WorldSkills Sao Paolo, Brazil pada tahun 2015. Pertandingan *Junior Skills Malaysia* telah dijalankan sempena pertandingan WorldSkills Malaysia Belia/Pengajar (WSMB/WSMP) 2018 di CIAST, Shah Alam sebagai salah satu program karnival bagi memupuk minat di kalangan pelajar sekolah terhadap latihan kemahiran. Jadual 5-16 menunjukkan keputusan pertandingan *Junior Skills Malaysia* 2018.

Maklumat Pertandingan Junior Skills

Lokasi	Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Shah Alam
Tarikh	2 Oktober 2018
Bidang	Graphic Design Electrical Installation Mobile Robotic IT Software Solution
Jumlah peserta	39 orang pelajar menengah rendah

Jadual 5-16: Keputusan Pertandingan Junior Skills Malaysia 2018

Bidang	Johan	Naib Johan	Ketiga
Graphic Design Technology	SMK Khir Johari, Beranang	SMK Khir Johari, Beranang	SMK Seksyen 5, Wangsa Maju
Electrical Installation	SMK Tengku Idris Shah, Kapar	SMK Tengku Idris Shah, Kapar	SMK Tengku Idris Shah, Kapar
Mobile Robotic	SMK Putrajaya Presint 11(2)	SMK Putrajaya Presint 8(1)	SMK Putrajaya Presint 8(1)
IT Software Solution	SMK USJ 1	SMK Seri Kembangan	SMK Subang



Pertandingan Junior Skills Malaysia 2018



Junior Mobile Robotic



Junior Graphic Design



Junior Electrical Installation



Junior IT Software Solution

5.8 PERTANDINGAN PANASONIC KEBANGSAAN 2018

Sabtu tahun CIAST telah dipilih sebagai tapak pertandingan bagi acara tahunan oleh Panasonic Malaysia. Pertandingan Panasonic Kebangsaan 2018 telah diadakan pada 27 Oktober 2018 di CIAST. Pertandingan ini adalah untuk mencari bakat-bakat terpendam warga kerja Panasonic di seluruh Malaysia dalam bidang-bidang kemahiran yang dipertandingkan. Bidang-bidang yang telah dipertandingkan adalah seperti berikut;

- PCB Assembly,
- Filing & Machining,
- Injection Skill,
- Product Inspection, dan
- Personal Computer.



Pertandingan Panasonic Kebangsaan 2018

5.9 MAJLIS ANUGERAH TANGAN EMAS PERDANA MENTERI (MATEPM) 2018

Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri (MATEPM) 2018 telah diadakan pada 4 Oktober 2018 di *Malaysia International Trade and Exhibition Centre*, Kuala Lumpur yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat (YAB) Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. Seramai hampir 3000 orang telah hadir memeriahkan majlis tersebut. Keputusan pemenang pingat dalam pertandingan WSMB 2018 turut diumumkan di majlis tersebut dan pingat-pingat telah disampaikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri Kategori Belia dimenangi oleh Simon Wong Tian Bing daripada DRB - HICOM University Of Automotive Malaysia bagi bidang *Automobile Technology*, manakala pemenang Tangan Emas Perdana Menteri Kategori Pengajar dimenangi oleh Mohammad Alim Bin Nulhakim daripada Institut Latihan Perindustrian (ILP) Jitra bagi bidang *Electrical Installation*.





BAB 6:

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN KEWANGAN



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN KEWANGAN



6.1 PERJAWATAN

Sehingga 31 Disember 2018, sebanyak 635 daripada 673 perjawatan bagi kategori Pengurusan & Profesional dan Pelaksana telah diisi. Perjawatan ini adalah merangkumi Ibu Pejabat JPK (Putrajaya dan Cyberjaya), CIAST dan enam Pejabat Wilayah. Jadual 6-1 menunjukkan status perjawatan.


Jadual 6-1: Status Perjawatan Mengikut Lokasi dan Kategori Jawatan

Lokasi & Kategori Jawatan	Pengurusan & Profesional		Pelaksana	
	Perjawatan	Kekosongan	Perjawatan	Kekosongan
JKP Putrajaya & Cyberjaya	166	10	123	4
CIAST	145	6	136	10
Pejabat Wilayah	43	5	60	3
Jumlah	354	21	319	17

6.2 SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT SUMBER MANUSIA (HRMIS)


HRMIS merupakan satu sistem pengurusan sumber manusia sektor awam yang bersepadu, komprehensif dan berteraskan kompetensi bermula daripada proses perancangan strategik tenaga manusia dan pengambilan pegawai sehingga pegawai bersara.

Bagi pengurusan HRMIS di peringkat Jabatan, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengaplikasikan tiga modul yang perlu dilengkapkan untuk penilaian prestasi Jabatan iaitu;



6.3 KENAIKAN PANGKAT

Pada tahun 2018, seramai 29 pegawai dari Jabatan telah mendapat kenaikan pangkat dan tiga pegawai telah diberi pemangkuhan dalam gred dan skim masing-masing seperti dinyatakan dalam Carta 6-1.



Carta 6-1: Kenaikan Pangkat Dan Pemangkuhan Bagi Tahun 2018

6.4 ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

Bagi tahun 2018, seramai 50 pegawai dari pelbagai gred dan skim telah menerima APC seperti ditunjukkan dalam Jadual 6-2.

Jadual 6-2: Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Bil.	Nama Pegawai	Skim Perkhidmatan	Jawatan
1	Ahmad Azran Bin Ranaai	Pegawai Latihan Vokasional	DV44(M)
2	Ahmad Husain Badri Bin Omar	Penyelia Asrama	N19
3	Aidatul Sofia Binti Arifin	Penolong Akauntan	W29
4	Airin Binti Jalani	Pegawai Latihan Vokasional	DV41
5	Aminah Binti Junaini	Setiausaha Pejabat	N29

Bil.	Nama Pegawai	Skim Perkhidmatan	Jawatan
6	Assuardey Bin Abdullah	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	DV38
7	Azhar Bin Hj Untong	Pegawai Latihan Vokasional	DV44
8	Baharil Ihzan Bin Onn	Pegawai Latihan Vokasional	DV48
9	Dian Hariyany Binti Ramli	Pegawai Tadbir Diplomatik	M44
10	Esmail Bin Seli	Pegawai Latihan Vokasional	DV44
11	Fazlynda Binti Abd Halim	Pegawai Latihan Vokasional	DV42
12	Hairul Nizzat Bin Bahrin	Pegawai Latihan Vokasional	DV48
13	Halizah Binti Mohd Nor	Penolong Pegawai Tadbir Kanan	N32
14	Hanira Binti Razali	Pegawai Latihan Vokasional	DV42
15	Mariyati Binti Masran	Pembantu Operasi	N14
16	Marwani Binti Othman	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19
17	Mohammad Ghazali Bin Udin	Pegawai Latihan Vokasional	DV52
18	Mohd Amir Bin Jupri	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	DV36
19	Mohd Faisal Bin Abdul Hamid	Pegawai Latihan Vokasional	DV52
20	Mohd Faizal Bin Md Rosli	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	DV29
21	Mohd Hafiz Bin Hassan	Pegawai Latihan Vokasional	DV44
22	Mohd Ridzuan Bin Sajali	Pemandu	H11
23	Mohd Zamri Bin Abdul Hamid	Pegawai Latihan Vokasional	DV44
24	Mohd. Sharol Azro Bin Omar	Penolong Jurutera	JA29
25	Molinda Binti Abd Rahman	Pegawai Latihan Vokasional	DV52
26	Muhammad Ammar Bin Kamilin	Pegawai Latihan Vokasional	DV44
27	Napisah Binti Abdullah	Pembantu Setiausaha Pejabat	N22
28	Nik Fadley Osman Bin Nik Ahmad	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	DV29
29	Nor Ain Binti Ahmad	Pegawai Latihan Vokasional	DV44(M)
30	Nor 'Ayana Binti Mokhtar	Pegawai Latihan Vokasional	DV48
31	Norakma Binti Nawawi	Pegawai Latihan Vokasional	DV42
32	Norazlina Binti Budin	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	DV36
33	Norfaiza Binti Hasnul Bhaharin	Pegawai Latihan Vokasional	DV41
34	Norhisyam Bin Dasuki	Pegawai Latihan Vokasional	DV48
35	Nur Azlinie Amin Binti Yussof	Pegawai Latihan Vokasional	DV41
36	Nur Farahana Binti Mohd Fauzi	Pembantu Operasi	N11
37	Nur Maizura Binti Mustafa	Pegawai Latihan Vokasional	DV44
38	Nur Sakinah Binti Mohamad	Setiausaha Pejabat	N29
39	Rashidah Binti Samsuddin	Pembantu Tadbir(Perkeranian/Operasi)	N19
40	Shahlisa Cheah Binti Shihabudin	Pegawai Latihan Vokasional	DV44

Bil.	Nama Pegawai	Skim Perkhidmatan	Jawatan
41	Shaiful Bakhtiar Bin Sharom	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	DV36
42	Sha'rani Bin Taib	Pegawai Latihan Vokasional	DV48
43	Sherinatasha Binti Jeonmani	Pegawai Latihan Vokasional	DV44(M)
44	Siti Fatimah Binti Zakaria	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	DV36
45	Siti Nuraihan Binti Mohd Husin	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	F29
46	Sitti Suhana Binti Ab. Rauf	Pembantu Tadbir(Perkeranian/Operasi)	N29
47	Sulyiana Binti Saraman	Pegawai Latihan Vokasional	DV44
48	Syazwani Binti Azmi	Pegawai Latihan Vokasional	DV41
49	Tengku Mohammad Bin Tengku Abd Rahman	Pegawai Latihan Vokasional	DV44
50	Zahrah Binti Mohamad Yusof	Penolong Pegawai Tadbir	N29

6.5 JASAMU DIKENANG

Sepanjang tahun 2018, seramai sembilan orang pegawai Jabatan telah menamatkan perkhidmatan sama ada bersara wajib atau bersara pilihan seperti di Jadual 6-3. Jabatan merakamkan penghargaan atas sumbangan jasa bakti pegawai.

Jadual 6-3: Senarai Pegawai Yang Telah Bersara

Bil.	Nama Pegawai	Tarikh Bersara	Jawatan	Bahagian
1	Salleh bin Hamidon	8.1.2018	PLV DV48	NOSS
2	Rosman bin Muhammad	1.2.2018	PLV DV44	JPK Wilayah Tengah
3	Razalee bin Che Ros	12.3.2018	PPLV DV38	NOSS
4	Kasmalaila binti Mohd Salleh	1.4.2018	SP N30	CIAST
5	Abdullah bin Azman	1.5.2018	PPT N29	KPSM
6	Sapinah binti Yusoff	9.7.2018	PTD M52	KPSM
7	Hajar binti Hassan	18.7.2018	PT(P/O) N19	CIAST
8	Mohamad bin Yaacob	19.12.2018	PLV DV54	SLDN
9	Sanusi bin Sharif	31.12.2018	PLV DV42	MOSQ

6.6 DALAM KENANGAN

Dalam tahun 2018, seramai dua orang pegawai Jabatan telah meninggal dunia seperti di Jadual 6-4. Semoga roh mereka dicucuri rahmat.

Jadual 6-4: Senarai Pegawai Yang Meninggal Dunia

Bil.	Nama Pegawai	Tarikh	Jawatan	Bahagian
1	Romales bin Ramli	21 Mac 2018	PLV DV48	CIAST
2	Azhari bin Ibrahim	14 November 2018	PLV DV52	CIAST

6.7 INOVASI & KREATIVITI

- 29th International Invention, Innovation & Technology Exhibition Malaysia (ITEX2018)**

CIAST telah menyertai ITEX 2018 yang berlangsung di KLCC pada 10 hingga 12 Mei 2018. Kedua-dua projek inovasi dan kreatif CIAST iaitu *Smart Welding Jig* dan *Image Recognition Training Kit Using Open Source Software and Hardware* telah dianugerahkan Pingat Gangsa.

- Pertandingan Robot**

Pasukan Team Robot CIAST telah menyertai lima pertandingan pada tahun 2018. CIAST telah menjadi juara keseluruhan dalam pertandingan *University Robot Competition – Kingdom Of Champion* (UROCK2018) yang diadakan pada 12 hingga 14 Oktober 2018 di UNIMAP Perlis. Pertandingan robot yang disertai CIAST di sepanjang tahun 2018 seperti di Jadual 6-5:

Jadual 6-5: Penyertaan CIAST Di Dalam Pertandingan Robot

Bil.	Acara	Tarikh	Tempat	Pencapaian
1	TVET Malaysia Robot Competition 2018	21- 23 Mac 2018	PWTC, Kuala Lumpur	Peringkat Kumpulan
2	Combat Robot Challenge 2018 Sempena Karnival TVET 2018 Zon Timur	12 - 15 April 2018	Stadium Darul Makmur, Kuantan	Suku Akhir
3	National Invention & Innovation, Conference, Exhibition and Robot-Sumo Competition 2018 (NICER 2018)	8 - 11 Julai 2018	Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah Kulim	Peringkat Kumpulan
4	Combat Robot Tournament 2018 (COMBOT 2018)	28 - 29 Ogos 2018	IKTBN Bukit Mertajam	Tempat Ke-10 dari 80 penyertaan
5	University Robot Competition – Kingdom Of Champion (UROCK2018)	12 – 14 Oktober 2018	UNIMAP Perlis	Johan

6.8 EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

Pada tahun 2018, JPK telah merangka serta menjalankan pelbagai program dan aktiviti bagi menyemarakkan usaha-usaha pembudayaan amalan EKSA di peringkat Jabatan bertepatan dengan slogan EKSA JPK iaitu Semarak EKSA Warga Ceria. Dengan berkat dan usaha bersepadu semua warga Jabatan, JPK di Putrajaya dan di Cyberjaya telah mendapat persijilan EKSA daripada MAMPU berkuatkuasa dari 15 April 2018 hingga 14 April 2020 dengan keputusan Cemerlang. Jabatan akan terus membudayakan amalan EKSA ini bagi mewujudkan suasana kerja yang selamat dan kondusif. Amalan EKSA turut dilaksanakan di pejabat-pejabat Wilayah JPK.



6.9 BUSINESS PLAN JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

Setiap tahun Jabatan akan mengadakan Mesyuarat Kerja *Business Plan* JPK bagi membincangkan aktiviti-aktiviti Jabatan yang akan dilaksanakan pada tahun berikutnya. Mesyuarat kerja ini adalah penting bagi Jabatan untuk terus memperkasakan agenda TVET khususnya di negara Malaysia dengan harapan jumlah tenaga kerja mahir dapat dipertingkatkan dalam menyumbang bakti kepada negara.

Mesyuarat Kerja *Business Plan* JPK 2019 telah diadakan di Hotel Primula Beach, Kuala Terengganu pada 21 hingga 23 November 2018 yang telah disertai oleh 42 pegawai JPK/CIAST.




Mesyuarat Kerja *Business Plan* 2019 JPK

6.10 PELAKSANAAN KENAIKAN PANGKAT BERASASKAN KRITERIA KECEMERLANGAN (KC)

Satu Garis Panduan Kenaikan Pangkat Berasaskan Kriteria Kecemerlangan (KC) Bagi Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional (PPLV) dan Pegawai Latihan Vokasional (PLV) Perkhidmatan Gunasama Persekutuan dibangunkan adalah berdasarkan kesinambungan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melaksanakan Rasionalisasi Skim Perkhidmatan bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saran Malaysia melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016. Di antara perkara baru yang terdapat dalam pekeliling tersebut adalah peluang kenaikan pangkat tanpa tertakluk kepada kekosongan bagi Skim Perkhidmatan PPLV dan PLV berdasarkan kriteria kecemerlangan.

Dalam usaha Jabatan untuk menghasilkan garis panduan tersebut sebanyak 11 mesyuarat kerja, lapan bengkel kerja, dua sesi Town Hall dan sebanyak 50 sesi Roadshow telah dilaksanakan.






Mesyuarat Penyelarasan & Pelaksanaan Kenaikan Pangkat Berdasarkan Kriteria Kecemerlangan bersama Bahagian Perkhidmatan, JPA



Bengkel Pembangunan Dokumen Pelaksanaan Kenaikan Pangkat Berdasarkan Kriteria Kecemerlangan Bagi Skim Perkhidmatan PPLV dan PLV Perkhidmatan Gunasama Persekutuan



Taklimat Kriteria Kecemerlangan PPLV/PLV di Dewan Serbaguna KSM.Taklimat pembukaan disampaikan oleh Ts.Nidzam bin Kamarulzaman JSM dan taklimat KC disampaikan oleh Pengarah Bahagian Perancangan, Penyelidikan & Pembangunan





BAB 7: **PROGRAM** **OUTREACH**

PROGRAM OUTREACH



7.1 PROGRAM KESEDARAN BAGI MEMARTABATKAN LATIHAN KEMAHIRAN

JPK sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan dan keupayaan TVET di masa kini yang mampu melahirkan insan yang berkemahiran. Justeru itu, JPK telah melaksanakan pelbagai program *outreach* dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan swasta di sepanjang tahun 2018 seperti di Jadual 7-1.

Jadual 7-1: Senarai Program Kesedaran

Bil.	Program	Lokasi	Tarikh
1	Pameran Sempena Sesi Townhall YBM KPDKKK Bersama Industri & Pihak Berkepentingan Berhubung Rang Undang-Undang Perkhidmatan Penyelenggaraan & Perbaikan Kenderaan Motor	KPDKKK, Putrajaya	23 Januari
2	Pameran Sempena Kerjaya Swadaya Insan Johor 2018	Dewan Jubli Intan, Batu Pahat, Johor	25 Januari
3	Pameran Sempena Kerjaya Swadaya Insan Johor 2018	Tanjung Mas, Muar, Johor.	26 Januari
4	Pameran Sempena Kerjaya Swadaya Insan Johor 2018	Persiaran Dato' Ismail Hassan, Kluang Johor	27 Januari
5	Pameran Sempena Kerjaya Swadaya Insan Johor 2018	KIP Mart Kota Tinggi, Johor	28 Januari
6	Pameran Sempena EduFest @ RTC Gopeng	RTC Gopeng.	24 - 25 Februari
7	Pameran Sempena EduFest @ RTC Pahang	RTC Pahang.	24 - 25 Februari
8	Pameran Sempena EduFest @ RTC Kelantan	RTC Kelantan, Kota Bharu	24 - 25 Februari
9	Pameran Sempena Program Temuduga SL1M Peringkat Zon Tengah 2018	MAEPS Serdang	24 - 25 Februari
10	Pameran sempena Ekspo TVET Malaysia 2018	PWTC Kuala Lumpur	22 - 23 Mac
11	Pameran sempena program ramah mesra YBTM dengan masyarakat orang asli	Maran Pahang	8 April
12	Pameran sempena Program MyApprenticeship	PWTC Kuala Lumpur	20 April
13	Pameran Sempena Seminar Halatuju Kerjaya OKU di Pusat Kecemerlangan Sukan Paralimpik Malaysia	Kuala Lumpur	3 Mei
14	Pameran Sempena Program 70 Tahun Majlis Belia Malaysia di Bangi Avenue Convention Centre	Bangi, Selangor	22 – 23 Julai
15	Seminar Skills Change Live (SCL) di Dewan Orang Ramai Taman Sri Putra	Banting, Selangor	18 Ogos

Bil.	Program	Lokasi	Tarikh
16	Pameran Sempena Selangor International Business Summit di MITEC	Kuala Lumpur	6 – 9 September
17	Pameran Sempena Persidangan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan kali ke-21 (COSH 2018)	PICC Putrajaya	24 – 25 September
18	Pameran Sempena 4th Malaysia Oil & Gas Services Exhibition & Conference	KLCC Kuala Lumpur	25 – 27 September
19	Pameran sempena Malaysia International NDT Conference & Exhibition 2018	Sunway Pyramid Convention Centre	12 – 13 November 2018
20	Pameran sempena HRDF Conference & Exhibition 2018 & Exhibition 2018	KLCC Kuala Lumpur	27 – 28 November
21	Pameran Sempena Pertunjukan Kuda Kebangsaan 2018 di Royal Kelantan Endurance Stable, Kelantan.		29 November – 2 Disember



Program Kesedaran Bagi Memartabatkan Latihan Kemahiran



7.2 SEMINAR TECHNOLOGY UPDATE: TVET TOWARD INDUSTRY REVOLUTION 4.0

Pada 24 April 2018, Seminar *TVET Toward Industry Revolution 4.0* telah diadakan di Auditorium CIAST dan dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran, Ts. Nidzam bin Kamarulzaman. Penganjuran seminar ini adalah berdasarkan kepada perubahan teknologi global yang dipacu oleh tiga domain utama iaitu fizikal, digital dan biologikal merentasi sembilan tonggak Revolusi Industri 4.0. Ia merangkumi simulasi dan realiti maya, integrasi sistem menegak dan melintang, industri *Internet of Things* (IoT), keselamatan siber, pengkomputeran awan, kecerdasan buatan (AI), rantaian bekalan, analisa data dan automasi robot.

Seminar ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran berhubung kepentingan peningkatan kemahiran di kalangan tenaga pengajar TVET dan personel industri selari dengan kemaraan IR4.0. Seminar ini juga meneroka tahap kesediaan institusi TVET mengadaptasi kemahiran dan teknologi IR4.0 dalam teknik pengajaran dan kurikulum latihan mereka disamping membincangkan amalan terbaik ke arah mengurangkan jurang kompetensi di kalangan tenaga pengajar TVET mengikut perspektif/kehendak IR4.0. Seramai 218 orang peserta terdiri daripada pengamal industri, pensyarah, pengajar kemahiran dan pelajar dari pelbagai agensi awam dan swasta telah menghadiri seminar ini. Tajuk-tajuk yang telah dibentangkan di seminar ini adalah seperti di Jadual 7-2.

Jadual 7-2: Senarai Penceramah Dan Tajuk Yang Telah Dibentangkan

Bil.	Penceramah	Tajuk
1	Dr. Nurul Amin bin Badrul Ketua Penyelaras Program Kampus Satelit CIAST (CSC)	<ul style="list-style-type: none"> • Peranan Pengajar Latihan Kemahiran Malaysia. • Pengetahuan Lanjutan Pengajar IR4.0. • Peluang Peningkatan Kemahiran Pengajar. • Peningkatan Paradigm Pengajar kearah menjayakan IR4.0.
2	Mr. Ngan Cheng Hwa Deputy Managing Director, Education & Training, GMI	<ul style="list-style-type: none"> • The Development of Holistic Manpower for IR4.0. Readiness: The German-Malaysian Institute Perspective • Industry 4.0 - Where are we? • Empowering Learning. • Reflection on Learning and Teaching at TVET. • GMI-Industry Collaboration for the Implementation of IR4.0 Concept.
3	Mr. Mohamad Hisham bin Mohd Iqbal Assistant Manager, Applied Engineering, PSDC	<ul style="list-style-type: none"> • Training Management Towards IR4.0. • Integrasi Automasi Peralatan. • Kajian Kandungan Pembelajaran memenuhi Keperluan IR4.0. • Persediaan Pembelajaran secara IR4.0.



Seminar Technology Update TVET Toward Industry Revolution 4.0

7.3 SEMINAR TECHNOLOGY UPDATE: AUTOMATION IN SMART MANUFACTURING, ENHANCED BY DATA SECURITY

Pada 11 Julai 2018, Jabatan dengan kerjasama Institut Teknikal Jepun – Malaysia (JMTI) telah menganjurkan Seminar Technology Update: *Automation in Smart Manufacturing, Enhanced by Data Security* di JMTI.

Objektif seminar ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para peserta tentang perubahan teknologi terkini di industri dan cabaran masa kini dalam menghadapi *Industrial Revolution 4.0*, memberi peluang kepada para peserta untuk melihat sesi demonstrasi teknologi *Industrial Revolution 4.0* yang digunakan di industri dan membuka ruang jalinan kerjasama industri bagi

mengukuhkan pelaksanaan TVET di Malaysia. Peserta yang hadir ke seminar ini adalah seramai 297 orang yang terdiri daripada 174 peserta luar dan 123 pegawai di JMTI.

Disamping seminar yang dianjurkan, turut diadakan pameran yang mempamerkan teknologi terkini oleh pihak industri. Pempamer yang terlibat adalah seperti berikut :

- 1) Tekmark Sdn. Bhd
- 2) SMC Pneumatics Sdn. Bhd
- 3) Omron Electronics Sdn.Bhd
- 4) Scientific & Technical Products
- 5) Darco Industrial Water Sdn. Bhd
- 6) Teknologi Kejuruteraan Komputer, JMTI (Projek IR4.0)

7.4 SEMINAR TVET SKILLSMALAYSIA

Pada 30 September 2018 dan 1 Oktober 2018, seminar TVET SkillsMalaysia telah diadakan di Auditorium, CIAST, Shah Alam. Seramai 330 peserta telah menghadiri seminar ini di mana para peserta yang hadir adalah daripada agensi kerajaan, institusi latihan TVET awam dan swasta universiti, institut penyelidikan, syarikat swasta dan individu.

Objektif utama penganjuran seminar ini adalah untuk mewujudkan komuniti yang berdaya saing dalam pembangunan latihan kemahiran dan TVET negara ke arah memenuhi tuntutan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0). Seminar ini telah dimulakan dengan ucapan aluan daripada YBrs. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JPK.

Sebanyak 16 sesi pembentangan telah berjaya dibentangkan di dalam seminar ini. Para pembentang telah berkongsi pelbagai topik yang merangkumi cabaran dan strategi pembangunan modal insan IR4.0, pembangunan kurikulum TVET yang selari dengan IR4.0, pembangunan soalan kemahiran, strategi persekitaran institusi latihan di dalam IR4.0, TVET ke arah Care Economy, kompetensi pengajar, teknologi dron dalam pertanian, keusahawanan TVET IR4.0, Society 5.0 dan model pembangunan kemahiran berasaskan IR4.0.



Seminar TVET SkillsMalaysia 2018

7.5 SEMINAR TECHNOLOGY UPDATE "ZUKÜNFTIGE AUTOMOBILE - FUTURE AUTOMOTIVE"

